



BAB EMPAT



BAB 4

PENGGUNAAN RAGAM PASIF DALAM SURAH ĀL 'IMRĀN : SUATU ANALISIS

4.0 Pengenalan.

Berdasarkan kepada teori-teori nahu yang telah dibincangkan di dalam bab kedua dan ketiga, suatu analisis terperinci dijalankan ke atas surah Āl 'Imrān. Hasil kajian dan penyelidikan ini akan dipamerkan di dalam bab ini.

Pembuka bicara pada bab ini ialah pengenalan secara ringkas kepada surah Āl 'Imrān itu sendiri. Dinyatakan pokok perbincangan surah ini secara umum bagi mempermudah pemahaman terhadap ayat-ayatnya. Kemudian disenaraikan satu persatu ayat-ayat yang menggunakan ragam pasif. Ayat-ayat itu akan diteliti dan dikaji dari sudut kesenian dan unsur-unsur yang mendorong pemakaian ragam pasif. Disamping itu unsur kekerapan penggunaannya turut dinilai dari aspek pemilihan jenis kata kerja pasif, bentuk-bentuk kata kerja pasif dan pelaku gantinya dan skop perbincangan yang sering kali menggunakannya.

4.1 Pengenalan Terhadap Surah Āl 'Imrān.

Surah Āl 'Imrān diturunkan di Madinah dan mengandungi sebanyak 200 ayat yang merupakan surah kedua terpanjang selepas al-Baqarah. Ia merupakan surah yang ketiga dan diturunkan selepas surah al-Anfāl¹.

¹ Wahbah al-Zuhaili (1991), *al-Tafsīr al-Munīr Fī al-Aqā'id wa al-Sharī'ah wa al-Minhaj*, j.3, c.1, Beirut: Dār al-Fikr al-Mu'āssir, h.140

Surah ini dinamakan Āl ‘Imrān¹ (kisah keluarga Imran) sempena kisahnya yang tercatat mulai ayat 33. Di dalam surah ini diceritakan ketokohan Imran yang dikurniakan seorang cahayamata yang solehah, Siti Maryam yang kemudiannya melahirkan seorang putera (nabi Isa a.s) tanpa ada sebarang ikatan hubungan dengan seorang lelaki. Kelahiran nabi Isa a.s menjadi tanda kekuasaan Allah s.w.t². Di antara motif diceritakan kisah keluarga Imran ialah untuk menangkis serta membidas dakwaan jahat kaum Nasrani (Kristian) yang menganggap nabi Isa a.s sebagai tuhan atau anak tuhan.

Di antara topik utama yang dinyatakan di dalam surah ini ialah :

a) Soal Keimanan.

Sebilangan ayat yang terdapat dalam surah ini menyatakan keesaan Allah s.w.t, ketulusan para nabi a.s dan kebenaran al-Quran yang diturunkan kepada nabi Muhammad s.a.w. Secara tidak langsung ayat-ayatnya membidas serta menangkis dakwaan jahat Ahli Kitab yang terdiri dari golongan Yahudi dan Nasrani yang ingin menyesatkan umat Islam.

Di dalam surah al-Baqarah sudah diceritakan kisah golongan pertama dari Ahli Kitab (Yahudi) dengan menyatakan apa yang tersembunyi di dalam sanubari mereka yang penuh dengan perasaan dengki, tipu daya dan helah terhadap umat Islam. Kemunculan surah Āl ‘Imrān pula merupakan kesinambungan surah al-Baqarah yang menceritakan golongan kedua Ahli Kitab iaitu Nasrani (penganut kristian). Mereka berhujah dengan Rasulullah s.a.w berhubung masalah kenabian

¹ Dinamakan juga dengan nama : al-Zahrā', al-Amān, al-Kanz, al-Mu'ainat, al-Mujādalat, surah al-Istighfar dan Tayyibat. (Lihat al-Bahr al-Muḥit : j.2, h.373)

² Wahbah al-Zuhaili (1991), *op.cit*, h.141

nabi Isa a.s. Mereka mendakwa bahawa nabi Isa a.s merupakan anak kepada tuhan kerana kelahirannya yang luar biasa tanpa berbapa. Ada sebahagian dari mereka yang lebih melampau dengan mendakwa bahawa nabi Isa a.s merupakan tuhan yang berjelma dalam bentuk manusia¹.

Oleh sebab itu, surah al-Baqarah dan Āl Imrān dikenali sebagai al-Zahrawāni (dua surah yang cemerlang)². Ini kerana kedua-dua surah ini menyingkap hal-hal yang disembunyikan oleh Ahli Kitab seperti hakikat kejadian dan kelahiran nabi Isa a.s serta berita kebangkitan nabi akhir zaman Muhammad s.w.a.

b) Pengajaran serta peringatan kepada Muslimin.

Kebanyakan pengajaran dan peringatan yang disampaikan adalah melalui kisah-kisah yang diceritakan serta pengalaman kesilapan yang pernah dilalui oleh golongan muslimin. Di antaranya ialah kisah kemenangan umat Islam di dalam peperangan Badar dan kekalahan di dalam peperangan Uhud.

Di dalam surah ini banyak menggambarkan keadaan umat Islam di Madinah setelah mereka mencapai kemenangan yang besar di medan peperangan Badar dan dapat menonjolkan kehebatan Islam walaupun kuantitinya adalah sedikit. Kemenangan umat Islam ini telah menyalakan api kebencian yang meluat-luat di kalangan musuh Islam yang terdiri dari kaum Yahudi dan Munafik. Mereka telah mencari sekutu serta mengadakan pakatan jahat bagi menebus kekalahan yang dialami dan sekaligus menghancurkan Islam serta umatnya.

¹ Muhammad 'Aliy Al-Ṣabūniy (1981), *Safwat al-Tafsīr*, j.1, c.4, Beirut : Dār al-Qur'ān al-Karīm, h.182.

² Wahbah al-Zuhaili (1991), *op.cit*, h.141.

Justeru itu, Allah s.w.t telah memberi peringatan kepada muslimin agar sentiasa berada di dalam keadaan berwaspada dan berjaga-jaga terhadap musuh Islam yang tidak henti-henti berusaha hendak melenyapkan Islam di atas muka bumi ini. Oleh sebab itu, umat Islam digesa supaya bersatu-padu dan berpegang teguh kepada agama Allah s.w.t.

Kemudian dibangkitkan semula kisah peperangan Uhud dan faktor-faktor yang menyebabkan kekalahan. Dalam konteks ini satu pengajaran yang berharga perlu diambil perhatian oleh umat Islam supaya perkara sedemikian tidak lagi berulang di masa mendatang.

Disamping itu, Allah s.w.t telah menjanjikan satu tawaran yang hebat kepada kaum muslimin yang gugur di medan peperangan sekaligus dapat mencetuskan semangat jihad yang berkobar-kobar di dalam jiwa mereka. Mereka akan sentiasa dikenang walaupun mereka telah lenyap dari bumi yang nyata, akan tetapi mereka tetap hidup secara istimewa serta mendapat tempat yang mulia di sisi Allah s.w.t dengan segala nikmat dan rahmat yang tidak terhingga di dalam syurga.

Surah Āl 'Imrān mempunyai kelebihan yang tertentu sebagaimana yang diriwayatkan oleh Abū Amāmah al-Bāhily¹ :

سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ (ص) يَقُولُ : " اَقْرَأُوا الْقُرْآنَ فَإِنَّهُ يَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ شَفِيعًا لِأَصْحَابِهِ ، اَقْرَأُوا الزَّهْرَوِيِّينَ : الْبَقْرَةَ وَ سُورَةَ آلِ عِمْرَانَ فَإِنَّهُمَا يَأْتِيَانِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ كَأَنَّهُمَا عَمَامَتَانِ أَوْ عِيَانَتَانِ...." .
الحديث .

¹ Wahbah al-Zuhaily (1991), *op.cit.*, h 142

Terjemahan : *Aku mendengar Rasulullah s.a.w bersabda : “ Bacalah kamu al-Quran kerana sesungguhnya ia akan datang memberi syafaat kepada tuannya pada hari kiamat. Kamu bacalah al-Zahrawāni iaitu surah al-Baqarah dan surah Āl ‘Imrān, sesungguhnya ia akan datang pada hari kiamat seolah-olah dua kelompok awan (berada di bawah bayangan awam)....al-Hadis.*

4.2 Penggunaan Ragam Pasif Di Dalam Surah Āl ‘Imrān.

Terdapat banyak ragam pasif digunakan di dalam surah ini. Penggunaannya sudah tentu tidak bersahaja, malah mempunyai motif tersendiri serta menggambarkan maksud-maksud tertentu. Bagi menganalisis motif penggunaan serta keseniannya, beberapa aspek perlu diberi perhatian yang sewajarnya iaitu :

- i. Topik perbincangan kenyataan.
- ii. Unsur yang mendorong penggunaannya.
- iii. Struktur susunan ayat.

Disenaraikan satu persatu ayat yang menggunakan ragam pasif yang terdapat di dalam surah ini iaitu :

4.2.1 Ayat 12

Firman Allah s.w.t :

قُلْ لِلَّذِينَ كَفَرُوا سَعْتٌ وَلَٰكِن سَعْتُهُمْ لَا تُبَلِّغُهُمْ وَلَا تُحِشُّوهُمْ وَلَا يُغْنِي عَنْهُمْ كَيْفُ سَعَتِهِمْ وَلَا يَلْمِزُكَ أَتَىٰ مَكْرَهُمُ الْمُهَادَّةَ

Terjemahan : *Katakanlah (Wahai Muhammad) kepada orang-orang kafir itu : “Kamu akan dikalahkan (di dunia ini) dan akan dihimpunkan (dibawa beramai-ramai pada hari Kiamat) ke dalam neraka jahannam, dan itulah seburuk-buruk tempat yang disedia.”*

Ayat ini melunturkan sifat keangkuhan kaum Yahudi dan Nasrani yang meyangka bahawa mereka adalah golongan yang hebat dan terkuat. Mereka memandang remeh terhadap kejayaan umat Islam yang sedikit di dalam peperangan Badar.

Diriwayatkan oleh Abu Daud dan al-Baihaqiy dari Ibn ‘Abbās bahawa Rasulullah s.a.w dapat mengalahkan orang-orang Quraisy di medan peperangan Badar. Setelah baginda tiba di Madinah, dikumpulkan orang-orang Yahudi di pasar Bani Qaynuqā‘ dan baginda bersabda : “ Wahai orang-orang Yahudi ! masuklah Islam sebelum Allah menimpa kamu seperti yang dialami oleh orang-orang Quraisy. Kamu semua telah ketahui bahawa aku adalah nabi yang diutuskan ”.

Mereka berkata : “ Hai Muhammad ! Janganlah engkau tertipu oleh dirimu sendiri. Engkau hanya dapat membunuh beberapa gelintir orang-orang Quraisy. Mereka itu orang-orang bodoh yang tidak memiliki pengetahuan strategi peperangan. Sekiranya engkau berani memerangi kami, tentu engkau tidak akan pernah berhadapan dalam peperangan seperti halnya dengan kami ”. Kemudian turunlah ayat ini bagi menyatakan kekalahan serta azab yang bakal diterima pada hari pembalasan¹.

Ayat di atas dinyatakan dengan menggunakan kata kerja pasif *سُفِّلْتُمْ وَتُحْشَرُونَ* (*kamu akan dikalahkan dan akan dihimpunkan*). Penggunaan ragam pasif ini membawa makna mendalam yang dapat difahami bahawa ini merupakan balasan yang pasti dikenakan ke atas mereka yang enggan menerima kebenaran Islam dan menentanginya. Gaya bahasa yang digunakan ini lebih tegas dan mampu mengecutkan hati mereka yang bongkak dan angkuh. Keadaan ini jelas diperhatikan melalui mesej utama yang hendak dinyatakan iaitu perkhawaran tentang kekalahan dan mereka akan dihimpunkan di dalam neraka.

¹ Wahbah al-Zuhaily (1991), *op.cit*, h.159

Ancaman Allah s.w.t ini benar-benar terbukti keesahannya. Ini jelas terbukti dengan kejayaan umat Islam dengan membunuh pengkhianat Yahudi dari Bani Qurayzah, sementara Bani Nadir dibinasakan kerana mereka merupakan golongan munafik dan musuh dalam selimut umat Islam. Kaum Yahudi Khaybar pula telah dikuasai¹, sedangkan kaum Yahudi yang lain dikenakan *jiyya*².

Bagi kata kerja pasif tersebut, terdapat dua kaedah bacaan berdasarkan kepada laras percakapan yang ditujukan. Ḥamzah dan al-Kasā'iy membacanya dengan huruf Yā' iaitu **سَيُكَلَبُونَ وَيُحْشَرُونَ** (mereka akan dikalah dan dihimpunkan)³. Dalam konteks ini, ia akan membawa maksud : sampaikan perkhbarannya kekelahan mereka dan di akhirat pula akan dihimpunkan mereka di dalam api neraka. Pendekatan gaya bahasa yang digunakan ini lebih berbentuk bercerita⁴.

Mengikuti bacaan Ḥafṣ daripada 'Āṣim ia dibacakan dengan huruf tā' iaitu **سُكَلَبُونَ وَتُحْشَرُونَ** (kamu pasti akan dikalah dan dihimpunkan). Dalam konteks ini, ia membawa maksud : sampaikan amaran Allah s.w.t kepada orang-orang Yahudi dan kafir dengan kekalahan yang akan dikenakan ke atas mereka dan di Akhirat kelak akan dihimpunkan di dalam api neraka⁵.

¹ Aḥmad Muṣṭafā al-Marāghiy (2001), *Tafsir al-Marāghiy*, (terj) Muhammad Thalib, j.2, c.1, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 669.

² Cukai kepala yang dikenakan ke atas orang bukan Islam di negara umat Islam sebagai perbelanjaan untuk negara.

³ Muḥammad al-Razi Fakhr al-Dīn bin Diyā' al-Dīn Al-Rāzi (tt), *Tafsir al-Fakhr al-Rāzi*, j.7 , Beirut : Dār al-Fikr, h. 202.

⁴ Abū al-Qāsim Muḥmūd bin 'Umar Al-Zamakhshariy (1972), *al-Kashshāf 'an Ḥaqā'iq al-Tanzīl wa 'Uyūn al-'Aqāwīl fi Wuḥūḥ al-Ta'wīl*, j.1, Mesir : Maktabat wa Matba'at Muṣṭafā al-Baba al-Hilabiy wa 'Auladh, h. 415.

⁵ Al-Rāzi (tt), *op.cit.*, j. 7, h.202

Kata kerja **سَتُغْلَبُونَ وَتُحْشَرُونَ** adalah daripada kata kerja kala kini pasif nominatif dengan

mengekalkan huruf nūn kerana ia merupakan salah satu kata kerja lima¹ (**الأفعال الخمسة**).

Huruf wāw *jama'at* merupakan kata ganti nama bersambung dan berada di tempat nominatif selaku pelaku ganti.

4.2.2 Ayat 14

Firman Allah s.w.t :

زَيْنَ لِلنَّاسِ حُبُّ الشَّهَوَاتِ مِنَ النِّسَاءِ وَالْبَنِينَ وَالْقَنَاطِيرِ الْمُقَنْطَرَةِ مِنَ الذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ وَالْخَيْلِ
الْمُسَوَّمَةِ وَالْأَنْعَامِ وَالْحَرَوَاتِ ذَلِكَ مَتَاعَ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَاللَّهُ عِنْدَهُ حُسْنُ الْمَاَبِ

Terjemahan : *Dihiaskan (dan dijadikan indah) kepada manusia ; kesukaan kepada benda-benda diingini nafsu, iaitu perempuan-perempuan dan anak pinak, harta benda yang banyak berpikul-pikul dari emas dan perak, kuda peliharaan yang bertanda lagi terlatih, binatang-binatang ternakan serta kebun-kebun tanaman. Semuanya itu ialah kesenangan hidup di dunia. Dan ingatlah di sisi Allah ada tempat kembali yang sebaik-baiknya (iaitu syurga).*

Penggunaan kata kerja pasif **زَيْنَ** (*dihias*) di sini menunjukkan bahawa fitrah semulajadi

manusia mempunyai kecenderungan dan keinginan tersebut. Kecenderungan yang amat digemari ini pasti dihiasi pada pandangan mereka dengan sesuatu yang indah² dan baik.

Kecintaan terhadap sesuatu yang dihiasi dengan indah ini merupakan fitrah semulajadi manusia yang tidak dapat dikikis. Oleh sebab itu, ayat di atas tidak bermaksud menyuruh umat Islam memandang hina dan benci terhadap kecintaan keinginan-keinginan itu. Malah ia hanya menyaran supaya mengenal tabiat dan pendorong-pendorong terhadap keinginan-

¹ Iaitu di atas wazan **تفعلون ، يفعلون ، تفعلان ، يفعلان**

² Al-Shahid Sayyid Qutb (1972), *Tafsir Fi Zilal al-Qur'an* , j. 3, jilid 1, c. 1, Beirut : Dār al-Shurūq, h. 373.

keinginan itu. Disamping itu, ia hendaklah diletakkan di tempat yang wajarnya supaya tidak menodai matlamat-matlamat yang lebih mulia dan tinggi dalam kehidupan manusia tanpa leka dan lalai terhadap tuntutan agama Islam¹.

Ahli tafsir berselisih pendapat berhubung dengan permasalahan menentukan pelaku bagi kata kerja pasif *زُيِّنَ*. Segolongan daripada mereka berpendapat bahawa pelakunya ialah Allah² s.w.t yang maha kuasa menciptakan sesuatu. Allah s.w.t menjadikan indah pada pandangan manusia dengan kecintaan yang mendalam terhadap perempuan, anak-pinak, harta-benda, ternakan dan tanaman sebagai ujian keimanan terhadap mereka. Perkara ini jelas dinyatakan di dalam Firman Allah s.w.t di dalam surah yang lain³ :

إِنَّا جَعَلْنَا مَا عَلَى الْأَرْضِ زِينَةً لِّهَا لِنَبْلُوهُمْ أَيُّهُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا

Terjemahan : *Sesungguhnya kami telah jadikan apa yang ada di atas muka bumi sebagai perhiasan baginya kerana kami hendak menguji mereka siapakah di antaranya yang lebih baik amalannya.*

Selain itu, terdapat satu golongan yang berpendapat bahawa pelaku bagi kata kerja tersebut adalah syaitan⁴ dengan cara membisikkan ke dalam hati manusia dan menjadikannya kelihatan indah serta seronok pada pandangan mereka. Keadaan ini menyebabkan mereka lalai dan leka dari memperingati perintah Allah. Hujah ini berperkuhkan dengan firman Allah s.w.t⁵ :

وَجَدَّهَا وَقَوْمَهَا يَسْجُدُونَ لِلشَّمْسِ مِنْ دُونِ اللَّهِ وَزَيَّنَ لَهُمُ الشَّيْطَانُ أَعْمَالَهُمْ فَصَدَّهُمْ عَنِ السَّبِيلِ فَهُمْ لَا يَهْتَدُونَ

¹ *Ibid.*

² Al-Rāzi (tt), *op.cit.*, h. 210.

³ Surah al-Kahf, ayat 7.


⁴ *Op.cit.*, h.209.

⁵ Surah al-Naml, ayat 24.

Terjemahan : “ Aku dapati raja perempuan itu dan kaumnya sujud kepada matahari dengan meninggalkan ibadah menyembah Allah, dan syaitan pula memperelokkan pada pangan mereka perbuatan (syirik) mereka, lalu menghalangi mereka dari jalan (yang benar). Oleh itu mereka tidak beroleh petunjuk ”.

Kata kerja زُيِّنَ adalah dari jenis kata kerja kala lampau pasif. Pelaku gantinya ialah perkataan حُبُّ yang dinominatifkan dengan *dammat*.

Rajah 4.1 : Penjelasan Struktur 1.



Di dalam ayat di atas juga terdapat dua patah kata nama pasif digunakan iaitu :

- i. الْمُقَنْطَرَةَ مِنَ الذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ (berganda-ganda hartanya daripada emas dan perak).

Perkataan الْمُقَنْطَرَةَ adalah kata nama pasif, wajib berfungsi sepertimana kata kerja pasifnya. Ini kerana ia telah bersandaran dengan ال.

Ahli Tafsir berselisih pendapat di dalam menentukan nilai harta yang dimaksudkan dengan perkataan الْمُقَنْطَرَةَ¹. Namun begitu, sebahagian besar mereka berpendapat ia tidak mempunyai had nilai yang tertentu. Ia hanya menunjukkan keadaan seseorang itu mempunyai harta yang banyak².


¹ Abū Ja'far Muhammad bin Jarīr al-Ṭabarī (1968), *Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wā'if al-Qur'ān*, j.3, c.3, Mesir : Sharikat Maktabat wa Maṭba'at Mustafā al-Babā al-Ḥalabiy, h.199.

² *Ibid*, h.201

Penggunaan kata nama pasif pada ayat di atas membawa makna sungguh mendalam. Dalam konteks ayat, perkataan **الْمُقَنْطَرَةَ** boleh diertikan dengan **الْمُضَفَّة** (*berlipat kali ganda*)¹. Oleh itu, seandainya **الْقَنَاطِيرُ** membawa nilai tiga, maka **الْمُقَنْطَرَةَ** adalah nilai sembilan yang merupakan gandaan kepada angka tiga tersebut.

Pemilihan pemakaian kata nama pasif (**الْمُقَنْطَرَةَ**) di dalam konteks ayat di atas membuktikan keunikan dan keindahan bahasa yang dipamerkan. Disamping itu juga, maksud yang ingin ditonjolkan juga menjadi lebih mantap dan menyeluruh.

Rajah 4.2 : Penjelasan Struktur 2.



¹ *Ibid*, h.202

ii. المُسَوَّمَة (*Kuda yang terlatih / sudah dilatih*).

Perkataan المُسَوَّمَة adalah kata nama pasif, wajib berfungsi seperti kata kerja pasifnya ketika ia bersandaran dengan أل. Pelaku gantinya kata ganti nama tersembunyi dengan hepotesis هي.

Terdapat pelbagai pentafsiran perkataan المُسَوَّمَة¹. Antaranya ada di kalangan mereka mentafsirkan dengan الرَاعِيَّة (perliharaan) dan المُطَهَّمَة (yang gemuk). Namun begitu, perkataan ini lebih sinonim dengan makna kuda terlatih².

4.2.3 Ayat 19 dan 20

Firman Allah s.w.t :

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ وَمَا اخْتَلَفَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ إِلَّا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْعِلْمُ بِمَا بَيَّنَّاهُمْ وَمَنْ يَكْفُرْ بِآيَاتِ اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ الْحِسَابِ (١٩) فَإِنْ حَاجُّوكَ فَقُلْ أَسْلَمْتُ وَجْهِيَ لِلَّهِ وَمَنِ اتَّبَعَنِ وَقُلْ لِلَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ وَالْأُمِّيِّينَ أَسْلَمْتُمْ فَإِنْ أَسْلَمُوا فَقَدِ اهْتَدَوْا وَإِنْ تَوَلَّوْا فَإِنَّمَا عَلَيْكَ الْبَلَاغُ وَاللَّهُ بَصِيرٌ بِالْعِبَادِ (٢٠)

Terjemahan : Sesungguhnya agama (yang benar dan diredhai) di sisi Allah ialah Islam. Dan orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang **diberikan kitab** itu tidak berselisih (mengenai agama Islam dan enggan menerimanya) melainkan setelah sampai kepada mereka pengetahuan yang sah tentang kebenarannya ; (perselisihan itu pula) semata-mata kerana hasad dengki yang ada di kalangan mereka. Dan (ingatlah) siapa yang kufur ingkar akan ayat Allah, maka sesungguhnya Allah amat cepat hintungan hisabnya. (19) Oleh sebab itu kalau mereka berhujah (menyangkal dan) membantah (wahai Muhammad), maka katakanlah : "Aku telah berserah diri kepada Allah dan demikian juga orang-orang yang mengikutiku." Dan bertanya (wahai Muhammad) kepada orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang **diberikan kitab**, dan orang-orang yang Ummi (orang-orang musyrik Arab) : " Sudahkah kamu mematuhi dan menurut (agama Islam yang aku bawa itu ? . Kemudian jika mereka memeluk Islam, sebenarnya mereka itu telah memperolehi petunjuk. Dan (sebaliknya) jika mereka berpaling (tidak mahu menerima Islam) , maka

¹ Ibid,

² Ibid, h.204

sesungguhnya kewajipanmu hanya menyampaikan (dakwah Islam itu.). Dan (ingatlah) Allah sentiasa melihat (tingkah laku) sekalian hambanya. (20)

Ayat ini menyatakan tiada agama yang diredhai oleh Allah s.w.t kecuali Islam. Ajaran Islam adalah ajaran yang dibawa oleh para nabi dan rasul a.s. Kesemua mereka menyeru mengtauhidkan tuhan yang Maha Esa. Oleh itu tidak akan berlaku pertentangan dan perselisihan di kalangan mereka. Hakikat ini telahpun diketahui oleh orang Yahudi dan Nasrani berdasarkan kepada kitab Taurat dan Injil yang turunkan kepada mereka. Namun mereka enggan menerima Islam yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w kerana hasad dengki sanubari mereka.

Allah s.w.t menggunakan ungkapan **أَوْتُوا الْكِتَابَ** (mereka yang diberikan kitab) bagi menggambarkan kehinaan dan kekejian sifat golongan umat terdahulu yang terdiri daripada kaum Yahudi dan Nasrani. Ini kerana mereka telah menolak kebenaran kitab Allah s.w.t yang diturunkan untuk panduan mereka. Malah apa yang lebih dahsyat daripada itu, mereka sanggup mengubah isi kandungannya sesuka hati.

Kaum muslimin terkeluar dari ruang lingkup ungkapan ini, sedangkan mereka juga diturunkan kitab al-Quran. Ini kerana berdasarkan kepada laras bahasa yang digunakan, dapat difahami dengan jelas bahawa ia ditujukan khusus kepada orang Yahudi dan Nasrani yang diturunkan kitab Taurat dan Injil sebelum kebangkitan nabi Muhammad s.a.w.

Diperhatikan ungkapan **أوتُوا الْكِتَابَ** sering kali digunakan selepas *isim mawṣūl* (**الَّذِينَ**).

Hal ini menunjukkan rangkaian frasa yang saling berpautan bagi menyifatkan sesuatu yang lebih kompleks. Frasa sebegini sering kali digunakan secara meluas di dalam al-Quran.¹

Pelaku kata kerja **أوتُوا** (*mereka diberi*) tidak perlu dinyatakan kerana matlamat utama mesej ini diutarakan adalah untuk menyatakan golongan yang diberikan kitab Allah s.w.t. Oleh sebab itu, ia tidak perlu dibebani dengan menyatakan siapa pelakunya kerana kewujudannya itu dianggap sia-sia. Tambahan pula, maklumat siapa yang menurunkan itu sudahpun sedia maklum bahawa tiada yang paling layak melainkan Allah s.w.t.

Jadual 4.1 : Penjelasan Fleksi Ragam Pasif 1.

أوتُوا الْكِتَابَ Terjemahan : <i>Mereka telah diberikan kitab.</i>	
أوتُوا	-Kata kerja pasif kala lampau tak fleksi nominatif kerana bersambung dengan huruf <i>waw Jamā'at</i> (<i>واو الجماعة</i>). -Huruf <i>waw</i> itu merupakan ganti nama bersambung tak fleksi jusif, berada di tempat nominatif sebagai pelaku ganti. - Memerlukan kepada dua objek pada asalnya bukan subjek dan predikat. Dinominatifkan objek pertama dan dikekalkan akusatif pada objek kedua.
الْكِتَابَ	Objek kedua.

¹ Penggunaanya terdapat sebanyak 16 tempat pada keseluruhan al-Quran iaitu : al-Baqarah ; 101,144,145, Āl Imrān ; 19, 20, 100, 186, 187, al-Nisā' ; 47, 131, al-Mā'idat ; 5 (dua tempat), 57, al-Taubat ; 29, al-Hādīd ; 16, al-Muddathir ; 31 (dua tempat) dan al-Bayyināt ; 4.

4.2.4 Ayat 23

Firman Allah s.w.t :

أَلَمْ تَرَى إِلَى الَّذِينَ أَوْثُوا نَصِيحًا مِنَ الْكِتَابِ يُدْعَوْنَ إِلَى كِتَابِ اللَّهِ لِيَحْكُمَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ يَتَوَلَّى فَرِيقٌ مِنْهُمْ
وَهُمْ مُّعْرِضُونَ

Terjemahan : *Tidak engkau pelik memikirkan (wahai Muhammad) terhadap sikap orang-orang (Yahudi) yang telah diberikan sebahagian dari kitab (Taurat), mereka diseru kepada kitab Allah supaya kitab itu dijadikan hakim (mengenai perkara-perkara yang timbul) di antara mereka. Satu puak dari mereka berpaling ingkar sambil menolak (seruan dan hukum kitab Allah itu) .*

Diriwayatkan oleh Ibn Abbas bahawa sebab turunnya ayat ini ialah untuk menghina kaum Ahli Kitab yang cuba menyembunyikan kebenaran serta beberapa syariat yang diturunkan ke atas mereka. Hal ini berlaku ketika mereka cuba mengelak daripada hukuman rejam ke atas sepasangan bangsawan yang melakukan kesalahan zina. Mereka membawa masalah ini ke pengadilan Rasulullah s.a.w dengan harapan hukuman yang akan dijatuhkan adalah lebih ringan. Sangkaan mereka meleset apabila Rasulullah s.a.w juga menjatuhkan hukuman rejam ke atas mereka berdua sepertimana yang disyariatkan di dalam kitab Taurat. Mereka tidak berpuas hati dengan hukuman yang dijatuhkan, lantas Baginda meminta mereka mendatangkan kitab Taurat serta membacakannya. Apabila tiba di tempat ayat yang menyatakan hukuman rejam ke atas pezina, mereka menutupnya dengan telapak tangan. Lantas Rasulullah s.a.w membuka apa yang ditelekapkan dengan tangan mereka dan memperlihatkan ayat yang membicarakan hukuman rejam ke atas pezina. Hal ini telah mencetus api kemarahan kaum Yahudi¹.

Di dalam ayat di atas terdapat dua tempat kata kerja pasif digunakan iaitu :

- i. Potongan ayat أَوْثُوا نَصِيحًا مِنَ الْكِتَابِ (diberikan sebahagian dari kitab).

¹ Al-Rāzi, *op.cit*, j. 7, h.234

Ahli tafsir menerangkan apa yang dimaksudkan dengan **أَوْثُوا نَصِيًّا مِنَ الْكِتَابِ** ialah golongan selain daripada kaum muslimin yang diturunkan kitab al-Quran. Mereka yang dimaksudkan ialah kaum Yahudi dan Nasrani yang diberikan kitab Taurat dan Injil. Ini kerana konteks perbincangan kitab yang diturunkan tersebut disandarkan kepada orang-orang kafir yang menyelewengkan kebenaran isi kandungannya¹.

Kata kerja **أَوْثُوا** adalah kata kerja kala lampau pasif nominatif kerana bersambung dengan huruf *waw jamā'at*². Huruf *waw jamā'at* ini berada di tempat nominatif selaku pelaku ganti. Pada asalnya ia berada di tempat akusatif sebagai objek pertama manakala **الْكِتَابِ** pula adalah objek yang kedua.

ii. Potongan ayat **يُذْعَوْنَ إِلَى كِتَابِ اللَّهِ** (*Mereka diseru kepada kitab Allah*).

Terdapat dua pandangan ahli tafsir bagi menerangkan maksud “Kitab Allah” s.w.t. Pandangan pertama iaitu pendapat Ibn ‘Abbas menyatakan bahawa yang dimaksudkan dengan kitab Allah s.w.t itu ialah al-Quran. Sementara pandangan kedua iaitu pendapat kebanyakan ahli tafsir menyatakan bahawa kitab yang dimasukkan itu ialah Taurat. Hujah mereka diperkuatkan dengan bukti sebab turunnya ayat tersebut dengan Rasulullah s.a.w meminta orang-orang Yahudi membawa kitab Taurat dan membacanya³.

¹ Al-Rāzi, *op.cit*, j. 7, h.234

² Partikel *waw* yang menunjukkan unsur bilangan yang ramai (jamak).

³ *Ibid*, h.235.

Kata kerja **يُدْعُونَ** adalah dari jenis *nāqis*¹ yang merupakan devirasi kata **دَعَا**

يُدْعُونَ. Huruf *'illat* pada akhir perkataan dibuang ketika ia bersambung dengan *waw jamā'at*. Keadaan ini berlaku bagi mengelakkan daripada berturutan huruf waw yang menyebabkan kesulitan ketika proses pengujaran². Oleh itu ia terbentuk di atas pola **يَفْعُونَ** (aktif) dan **يُفْعُونَ** (pasif).

Kata kerja **يُدْعُونَ** adalah kata kerja kala kini pasif nominatif dengan dikekalkan huruf *nūn* kerana ia terdiri daripada kata kerja lima. Huruf *wāw* padanya merupakan kata ganti nama bersambung berada di tempat nominatif sebagai pelaku ganti.

Terdapat setengah bacaan membaca kata kerja **لِيَحْكُمَ** (*menetapkan hukum*) dengan pola pasif **لِيُحْكَمَ** (*dijadikan hakim*). Dalam konteks ini, kata kerja tersebut membawa makna hukum-hakam yang ditetapkan di dalam kitab Taurat diambil sebagai satu peraturan dan ketetapan bagi menyelesaikan perselisihan faham di kalangan orang-orang Yahudi.

Perselisihan ini berlaku di kalangan mereka, dan tidak di antara mereka dengan Rasulullah s.a.w. Ini kerana terdapat sebahagian dari mereka ingkar serta tidak mahu beriman dengan apa yang telah ditetapkan, manakala sebahagian yang lain menerimanya sebagai satu ketetapan³.

¹ Kata kerja yang diakhiri dengan huruf *alif maqsurat*

² 'Abduh al-Rājihiy (tt) *al-Taḥqīq al-Ṣarf*, Iskandariat : Dār al-Ma'rifaṭ al-Jam'iyyat, h.54.

³ al-Zamakshariy (1972), *op.cit*, h. 420-421.

4.2.5 Ayat 25

Firman Allah s.w.t :

فَكَيْفَ إِذَا جَمَعْتَاهُمْ لِيَوْمٍ لَا رَيْبَ فِيهِ وَوُفِّيَتْ كُلُّ نَفْسٍ مَّا كَسَبَتْ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ

Terjemahan : *Oleh itu, bagaimana pula (hal keadaan mereka) ketika kami himpunkan pada hari Kiamat yang tidak ada syak padanya, dan pada (hari itu juga) **disempurnakan kepada tiap-tiap seseorang balasan apa yang telah mereka usahakan, sedang mereka masing-masing tidak dizalimi.***

Ayat ini menggambarkan suasana yang akan berlaku pada hari Kiamat. Pada hari itu, segala amalan manusia akan dihisab dan diberi ganjaran balasan dengan seadil-adilnya tanpa berlaku kezaliman walaupun sedikit.

Terdapat dua tempat kata kerja pasif digunakan pada kenyataan ayat ini iaitu :

- i. Klausa وُفِّيَتْ كُلُّ نَفْسٍ مَّا كَسَبَتْ (*Disempurnakan kepada tiap-tiap seorang balasan apa yang telah mereka usahakan*).

Kata kerja pasif digunakan untuk menjadikan kenyataan lebih umum. Dalam konteks ayat di atas ia bermaksud akan diberikan balasan kepada mereka berdasarkan kepada apa yang mereka lakukan daripada amalan baik atau buruk¹. Ayat ini juga menjadi satu hujah bagi menafikan keistimewaan serta imuniti terhadap ketua-ketua kaum, pembesar-pembesar dan sebagainya. Mereka akan diadili dengan seadil-adilnya.

¹ Al-Tūsi (tt) Abū Ja'far Muḥammad bin al-Ḥasan , *al-Tibyān Fi Tafsīr al-Qur'ān*, (e.d) Aḥmad Ḥabīb Qaṣīr al-'Āmily, j.2, Beirut : Dār al-Turāth al-'Arabiy, h.428

Kata kerja **وَقِيَّتْ** adalah kata kerja kala lampau pasif bersambung dengan huruf *tā'* *tā'nāh*. Pelaku gantinya ialah **كُلُّ** dengan tanda nominatifnya berbaris hadapan pada akhir perkataan tersebut.

ii. Klausa **وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ** (*mereka masing-masing tidak akan dizalimi*).

Ayat ini bermaksud tidak akan berlaku walaupun sedikit kekurangan pahala pada amalan kebaikan dan pertambahan dosa pada amalan kejahatan yang telah dilakukan¹. Segala amalan baik dan buruk akan diadili dengan seadilnya serta diberi balasannya yang setimpal.

Didahului sebelum kata kerja pasif (**يُظْلَمُونَ**) dengan partikel nafi (**لَا**).

Pelakunya tidak perlu dinyatakan kerana sudah diketahui bahawa ia merupakan kerja tuhan yang Maha Kuasa lagi Maha Adil. Hal sedemikian membuatkan ayat yang terbentuk akan lebih ringkas, padat dan jelas. Gaya bahasa ini diulang-ulang penggunaannya sebanyak sebelas tempat di dalam al-Quran².


Kata kerja **يُظْلَمُونَ** adalah kata kerja kala kini pasif nominatif dengan cara dikekalkan huruf *nūnnya* kerana ia dari jenis kata kerja lima. Sementara huruf

¹ Al-Rāzi, *op.cit.*, j. 7, h.238.

² Iaitu di dalam surah : al-Baqarah ; 281, Āl Imrān ; 25 dan 161, al-An'am ; 160, Yunus ; 47 dan 54, al-Nahl ; 111, Mukminūn ; 62, al-Zumār ; 69, al-Jāthiat ; 22, al-Ahqāf ; 19.

waw *jamā'at*nya pula merupakan kata ganti nama bersambung, dan ia berada di tempat nominatif sebagai palaku ganti.

Rajah 4.3 : Penjelasan Struktur 3.



4.2.6 Ayat 50

Firman Allah s.w.t :

وَمُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيْهِ مِنَ التَّوْرَةِ وَالْإِنْجِيلِ لَكُمْ بَعْضَ الَّذِي حُرِّمَ عَلَيْكُمْ وَجِئْتُكُمْ بِآيَةٍ مِنْ رَبِّكُمْ فَاتَّقُوا
اللَّهَ وَأَطِيعُوا

Terjemahan : Dan juga (aku datang kepada kamu ialah untuk) mengesahkan (kebenaran kitab Taurat) yang ada di dapanku (yang di turunkan dahulu daripadaku), dan untuk menghalalkan sebahagian (dari perkara-perkara) yang telah diharamkan kepada kamu, dan juga aku datang kepada kamu dengan membawa satu mu'jizat dari tuhan kamu. Oleh itu bertakwalah kamu kepada Allah dan taatilah aku.

Diterangkan pada ayat di atas salah satu tanggungjawab nabi Isa a.s adalah membenarkan kitab Taurat yang pernah diturunkan kepada nabi Musa a.s. Disamping itu juga ia menggubalkan sesetengah syariat terdahulu dengan menghalalkan sesuatu yang telah diharamkan ke atas Bani Israil. Juteru itu, Bani Israil diajak mentaati ajaran yang dibawa oleh nabi Isa a.s dan bertakwa kepada Allah s.w.t.

Didapati pada ayat di atas seolah-olah berlaku pertentangan di antara kenyataan-kenyataannya¹. Ini kerana pada klausa pertama ayat tersebut ; **وَمُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهِ مِنَ التَّوْرَةِ** ;

menerangkan bahawa kedatangan nabi Isa a.s adalah untuk membenarkan kitab Taurat yang diturunkan kepada nabi Musa a.s.

Manakala pada klausa keduanya ; **لَأَحِلَّ لَكُمْ بَعْضَ الَّذِي هُرِّمَ عَلَيْكُمْ** menerangkan bahawa

kedatangan nabi Isa a.s adalah untuk menghalalkan sesetengah perkara yang telah diharamkan ke atas kaum Yahudi sebelumnya. Dalam konteks ayat ini, ia menerangkan bahawa kehadiran nabi Isa a.s seolah-olah membawa suatu perundangan baru yang berbeza dari apa yang terkandung di dalam kitab Taurat.

Sebenarnya apa yang dimaksudkan dengan “ membenarkan ” pada klausa pertama itu ialah mempercayai bahawa segala isi kandungan kitab Taurat itu adalah benar dan betul. Oleh sebab itu tidak berlaku pertentangan kenyataan pada ayat tersebut yang menafikan perubahan syariat dengan menghalalkan sesetengah apa yang telah diharamkan terdahulu².

Di dalam ayat di atas, penggunaan ragam pasifnya ialah pada kata kerja **حُرِّمَ**. Pelaku kata

kerja ini tidak dinyatakan secara jelas dan menyebabkan ayat yang terbentuk lebih bersifat umum. Oleh sebab itu, ahli tafsir membuat dua andaian iaitu :


¹ Al-Rāzi, *op.cit*, j.8, h. 65

² Ibid

- i. Apa yang telah telah diharamkan itu adalah sesuatu hukum yang telah direka oleh kaum Yahudi itu sendiri yang kemudian menasabkannya kepada nabi Musa a.s.¹. Dalam konteks ini boleh diandaikan bahawa pelaku kata kerja ini ialah orang Yahudi itu sendiri.
- ii. Sesungguhnya Allah s.w.t telah mengharamkan beberapa perkara ke atas kaum Yahudi sebagai hukuman terhadap kesalahan yang telah mereka lakukan². Dalam konteks ini pelaku kata kerja pasif tersebut ialah Allah s.w.t kerana Dialah yang menurunkan syariat yang terkandung di dalam kitab Taurat.

Kata kerja حُرِّمَ adalah kata kerja kala lampau pasif. Pelaku gantinya ialah kata ganti tersembunyi dengan andaian هُوَ (dia) yang dikembalikan kepada perkataan بَعْضٌ (sebahagian).

Rajah 4.4 : Penjelasan Struktur 4.



¹ Al-Rāzi, *op.cit.*, j.8, h. 65

² Ibid

4.2.7 Ayat 65

Firman Allah s.w.t :

يَا أَهْلَ الْكِتَابِ لِمَ تُحَاجُّونَ فِي إِبْرَاهِيمَ وَمَا أُنزِلَتْ إِلَّا مِنَ بَعْدِهِ أَفَلَا تَعْقِلُونَ

Terjemahan : *Wahai Ahli Kitab ! mengapa kamu berani mempertengkarkan tentang agama nabi Ibrahim a.s, padahal Taurat dan Injil tidak diturunkan melainkan kemudian daripada zaman Ibrahim a.s; patutkah (kamu berdegil sehingga) kamu tidak mahu menggunakan akal ?.*

Ayat di atas menceritakan pertelingkahan kaum di antara Yahudi dan Nasrani. Kedua-dua belah pihak mendakwa bahawa nabi Ibrahim a.s berada pada agama mereka. Lalu Allah s.w.t menurunkan beberapa ayat yang memperlihatkan kebodohan dan kesesatan dakwaan mereka.

Dinyatakan pada ayat di atas bahawa kebangkitan nabi Ibrahim a.s terlebih dahulu beberapa abad sebelum kemunculan agama Yahudi dan Nasrani. Secara logik minda manusia yang waras, memang tidak dapat menerima hakikat nabi Ibrahim a.s berada pada agama mereka sedangkan agama itu masih belum muncul.


Penggunaan ragam pasif pada ayat di atas adalah dari jenis kata kerja kala lampau iaitu *أُنزِلَتْ* . Didahului sebelumnya huruf nafi (*مَا*) yang diikuti selepasnya partikel kecuali iaitu *إِلَّا* (*melainkan*). Susunan atur struktur sebegini dapat menghasilkan makna yang lebih jelas dan mantap.

Pelaku kata kerja ini tidak perlu dinyatakan kerana telah diketahui umum iaitu Allah s.w.t. Oleh sebab itu, pernyataan pelaku pada situasi sebegini dianggap sia-sia dan tidak memberi

faedah yang tertentu. Bagi menggantikan pelaku yang telah dimansuhkan itu, perkataan

الْتَّوْرَةَ (kitab Taurat) perlu dinominatifkan sebagai pelaku ganti.

Rajah 4.5 : Penjelasan Struktur 5.



4.2.8 Ayat 72

Firman Allah s.w.t :

وَقَالَتْ طَائِفَةٌ مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ آمَنُوا بِالَّذِي أُنزِلَ عَلَيْنَا وَجَهَ النَّهَارِ وَكَفَرُوا آخِرَهُ لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ

Terjemahan : *Dan berkatalah segolongan dari Ahli Kitab (sesama sendiri) : " Berimanlah kamu kepada al-Quran yang diturunkan kepada orang-orang yang beriman itu : pada sebelah pagi, dan kufurlah (ingkallah) pada petangnya, supaya mereka merasa ragu-ragu lalu kembali (menjadi kafir semula).*

Ayat ini menceritakan rancangan jahat Ahli Kitab dengan tektik memeluk Islam dan kemudiannya kembali kufur supaya jejak langkahnya diikuti oleh kaum muslimin yang baru mengenali agama itu. Ini kerana mereka menganggap golongan Ahli Kitab merupakan orang yang celik terhadap agama dan kitab-kitab suci. Apabila Ahli Kitab keluar dari Islam, tergambar pada fikiran mereka sesuatu kekurangan di dalam agama Islam.

Kenyataan di atas menggunakan kata kerja kala lampau pasif *أُنزِلَ* (*diturunkan*). Kata kerja ini pada asalnya adalah kata kerja tak transitif yang tidak memerlukan kepada objek, malah ia juga tidak dibenarkan berpola pasif. Namun setelah ia terbentuk pada pola *أَفْعَلٌ* , ia telah bertukar menjadi kata kerja transitif dan boleh berbentuk pasif.

Pelaku ganti kata kerja *أُنزِلَ* perlu dibuat andaian kerana ia tidak nyata secara zahir. Dalam konteks ayat, pelaku gantinya boleh diandaikan dengan kata ganti nama tersembunyi iaitu *هُوَ* (*dia*), dikembalikan kepada perkataan *بِالَّذِي* yang membawa kesempurnaan maknanya : “ Kamu berimanlah kepada al-Quran yang diturunkan kepada orang-orang yang beriman itu”.

Pada lazimnya penggunaan kata kerja ini diapit pada hadapannya dengan *isim mawṣūl* seperti *الَّذِي* (*yang*) dan *مَا* (*apa*). Manakala di belakangnya pula didampingi dengan partikel genitif (huruf *jarr*) seperti partikel *عَلَى* (*ke atas*) dan *إِلَى* (*kepada*) serta kata nama genitif (*majrūr*) yang terdiri daripada kata nama atau kata ganti nama. Gaya bahasa sebegini membuatkan ayat yang terbentuk akan menjadi lebih general dan umum.

4.2.9 Ayat 73

Firman Allah s.w.t :

وَلَا تُؤْمِنُوا إِلَّا لِمَنْ تَبِعَ دِينَكُمْ قُلْ إِنَّ الْهُدَىٰ هُدَىٰ اللَّهِ أَنْ يُؤْتَىٰ أَحَدٌ مِّثْلَ مَا أُوتِيْتُمْ أَوْ يُحَاجُّوْكُمْ عِنْدَ رَبِّكُمْ قُلْ إِنَّ الْفَضْلَ بِيَدِ اللَّهِ يُؤْتِيهِ مَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ

Terjemahan : *Dan (berkata lagi) : “ Janganlah kamu percaya melainkan kepada orang-orang yang mengikut agama kamu”. Katakanlah (wahai Muhammad) : Sesungguhnya pertunjuk (yang sebenar-benarnya ialah) pertunjuk Allah ”. (Mereka berkata pula) :*

“ (Janganlah kamu percaya) **bahawa akan diberi kepada sesiapa seperti apa yang telah diberikan kepada kamu**, atau mereka akan dapat mengalahkan hujah kamu di sisi tuhan kamu”. Katakanlah (wahai Muhammad) : “ Sesungguhnya limpah kurnia itu adalah di tangan Allah, diberikán kepada siapa yang dikehendakinya, dan Allah amat luas lampah kurnianya, lagi meliputi pengetahuannya”.

Ayat di atas merupakan nasihat Allah s.w.t kepada muslimin supaya mereka berwaspada dan tidak mudah terpedaya terhadap tipu helah Ahli Kitab terutamanya kaum Yahudi. Ini kerana tindak tanduk kaum Yahudi yang menganut Islam dan kemudiannya kembali murtad memberi kesan yang meragukan kepada sesetengah orang Islam yang berjiwa lemah dan berakal fikiran yang cetek serta kefahaman yang tidak mantap terhadap agama baru bagi mereka. Tambahan pula kaum Arab yang *ummi*¹ beranggapan bahawa Ahli Kitab lebih arif dari mereka berhubung dengan perkara-perkara yang bersangkutan dengan agama dan kitab suci.

Tindakan kaum Yahudi ini telah menabur benih keraguan serta sangkaan buruk terhadap Islam. Ini kerana pada sangkaan mereka yang baru kenal agama itu bahawa kaum Yahudi kembali murtad disebabkan kecacatan dan kekurangan ajaran agama Islam itu sendiri².

Di dalam ayat di atas, terdapat dua kata kerja pasif digunakan iaitu kata kerja يُؤْتَى (akan diberi) dan أُوتِيَ (telah diberikan). Kata kerja يُؤْتَى adalah kata kerja kala kini pasif akusatif dengan diandaikan kasus akusatif berbaris atas pada akhir perkataan kerana didahului oleh partikel akusatif أَنْ. Cantuman kata kerja dan partikel ini (أَنْ يُؤْتَى) dikenali sebagai *maṣḍar mu'awwal*. Sementara pelaku gantinya pula ialah أَحَدٌ (seseorang atau sesiapa).

¹ Buta huruf.

² Al-Shahid Sayyid Quṭb (1972), *op.cit* , h. 416

Klausa *أَنْ يُؤْتَى أَحَدٌ* (akan diberi kepada sesiapa) berada di tempat kata genitif (*majrūr*) dengan diandaikan kehadiran partikel genitif *بِأَنْ يُؤْتَى أَحَدٌ* yang mempunyai ikatan dengan kata *تُؤْمِنُوا* (kamu percaya). Dalam konteks ini, klausa tersebut akan membawa maksud “ Jangan kamu percaya atau akui bahawa akan diberi kepada sesiapa ”.

Manakala kata kerja *أُوتِيْتُمْ* (diberikan kepada kamu) adalah kata kerja pasif kala lampau yang disambung pada akhirnya kata ganti nama kedua iaitu *أَنْتُمْ* (kamu). Kata ganti nama ini berada tempat nominatif selaku pelaku ganti kepada kata kerja pasif *أُوتِي* (diberi). Sebelum kata kerja pasif ini juga didahului dengan kata nama *mawṣil* yang menyebabkan klausa yang terbentuk lebih membawa maksud umum.

Rajah 4.6 : Penjelasan Struktur 6.



4.2.10 Ayat 83

Firman Allah s.w.t :

أَفَعَيِّرَ دِينَ اللَّهِ يَتَّبِعُونَ وَأَمَّا مَنْ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ طَوْعًا وَكَرْهًا وَإِلَيْهِ يُرْجَعُونَ

Terjemahan : *Patutkah sesudah (mengakui dan menerima perjanjian) itu mereka mencari lain daripada agama Allah ? Padahal kepada-Nyalah tunduk taat sekalian makhluk yang ada di langit dan di bumi, sama ada dengan sukarela ataupun terpaksa, dan kepada-Nyalah mereka dikembalikan.*

Ayat di atas menjelaskan bahawa tiada agama yang benar dan diredhai Allah s.w.t kecuali Islam. Ia merupakan agama fitrah yang sepatutnya ditaati oleh sekalian makhluk di dalam keadaan rela atau terpaksa. Oleh sebab itu, amatlah rugi sama ada di atas muka bumi atau di akhirat kelak bagi mereka yang mencari serta menganuti agama selain daripada Islam.


Ayat ini diakhiri dengan menggunakan klausa ragam pasif iaitu *وَإِلَيْهِ يُرْجَعُونَ* (Dan kepada-Nyalah [Allah s.w.t] mereka dikembalikan). Susunan struktur kata genitif *إِلَيْهِ* (kepada-Nya) mendahului kata kerja pasif *يُرْجَعُونَ* (mereka akan dikembalikan) membentuk makna yang tegas bahawa kepada Allah s.w.t sahaja diri mereka semua akan dikembalikan tanpa mengira sama ada mereka dari golongan mukmin maupun yang ingkar.

Gaya bahasa sebegini diulang sebanyak 15 tempat pada keseluruhan al-Quran¹. Ia sering kali dinyatakan di penghujung ayat setelah diperbahaskan sebelumnya perkara-perkara yang berkaitan dengan hari kebangkitan manusia setelah mereka dimatikan untuk dinilai amalan baik buruk mereka serta diberi balasan yang setimpal dengannya.

¹ Iaitu pada surah al-Baqarah :28 dan 245, Yūnus : 56, Hūd :34, al-Qaşş : 70 dan 88, al-ʿAnkabūt :17, al-Rūm : 11, Yāsīn :22 dan 83, al-Zumir : 44, Fuşşilat : 21, al-Ĥāshiyat :15 dan al-Zuĥruf : 85.

Kata kerja **يُرْجَعُونَ** adalah kata kerja kala kini pasif nominatif dengan dikekalkan huruf nūnnya kerana ia merupakan salah satu daripada kata kerja lima. Huruf wawnya pula ialah *waw jamā'at* yang merupakan kata ganti diri ketiga bersambung yang membawa erti **هُمْ** (*mereka*). Huruf *waw jamā'at* ini berada di tempat nominatif selaku pelaku ganti kepada kata kerja pasif. Pelaku kata kerjanya pula dimansuhkan bagi menonjolkan mesej utama yang hendak dinyatakan di sini ialah perkhabaran bahawa mereka pasti akan dikembalikan kepada penciptanya iaitu Allah s.w.t.

Rajah 4.7 : Penjelasan Struktur 7.



4.2.11 Ayat 84

Firman Allah s.w.t :

قُلْ آمَنَّا بِاللَّهِ وَمَا أُنزِلَ عَلَيْنَا وَمَا أُنزِلَ عَلَىٰ إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ وَإِسْحَاقَ وَيَعْقُوبَ وَالْأَسْبَاطِ وَمَا أُوتِيَ مُوسَىٰ وَعِيسَىٰ وَالنَّبِيُّونَ مِنْ رَبِّهِمْ لَا نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِنْهُمْ وَنَحْنُ لَهُ مُسْلِمُونَ

Terjemahan : *Katakanlah (wahai Muhammad) : “ Kami beriman kepada Allah dan kepada apa yang telah diturunkan kepada kami dan kepada apa yang telah diturunkan kepada nabi-nabi : Ibrahim, Ismail, Ishak, Ya'qub dan keturunannya, dan kepada apa yang telah diberikan kepada nabi Musa dan Isa, dan sekalian nabi-nabi dari tuhan mereka. Kami tidak membezakan seseorang pun di antara mereka, dan kepada Allah jualah kami berserah diri (Islam) ”.*

Di dalam ayat di atas, terdapat beberapa kata kerja pasif yang diulang penggunaannya sebanyak tiga tempat yang boleh dipecahkan kepada klausa berikut :

- i. مَا أُنزِلَ عَلَيْنَا (*Apa yang telah diturunkan kepada kami*)
- ii. ... مَا أُنزِلَ عَلَىٰ إِبْرَاهِيمَ... (*Apa yang telah diturunkan kepada nabi-nabi a.s*)
- iii. مَا أُوتِيَ مُوسَىٰ وَعِيسَى (*Apa yang telah diberikan kepada nabi Musa dan Isa a.s*).

Pada klausa pertama dan kedua, penggunaan kata kerja pasifnya ialah pada kata kerja **أُنزِلَ** (*telah diturunkan*). Pelaku gantinya ialah kata nama ganti tersembunyi dengan andaian **هُوَ** (*dia*) yang dikembalikan kepada perkataan **مَا** (*apa*).

Pada klausa ketiga, kata kerja pasifnya ialah **أُوتِيَ** (*telah diberikan*) jenis kata kerja kala lampau pasif. Ia diterapkan di atas pola **فَاعِلٌ فُعِلَ** yang asalnya **فَاعِلٌ**. Huruf imbuhan alif ditukarkan kepada waw bagi mewujudkan keserasian kasus nominatif berbaris hadapan pada permulaan perkataan. Sementara pelaku ganti bagi kata kerja ini pula ialah kata ganti nama tersembunyi dengan andaian **هُوَ** (*dia*) dikembalikan kepada perkataan **مَا** (*apa*).

4.2.12 Ayat 85

Firman Allah s.w.t :

وَمَنْ يَتَّبِعْ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَاسِرِينَ

Terjemahan : *Dan sesiapa yang mencari agama selain agama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya, dan ia pada hari Akhirat kelak dari orang-orang yang rugi.*

Ayat ini merupakan penutup bagi kumpulan ayat 83 hingga 85 yang membicarakan tentang perintah Allah s.w.t supaya berpegang teguh pada agama Islam. Amat malang serta rugilah bagi mereka yang pernah mendapat hidayah Islam dan kemudiannya berpaling dari kebenaran agama tersebut. Begitu juga halnya bagi mereka yang tidak mahu menerima agama Islam ataupun tidak menjadikannya sebagai pegangan hidup.

Penggunaan kata kerja pasif pada ayat ini telah didahului dengan partikel akusatif nafi كُنْ (tidak akan). Partikel akusatif nafi ini bertindak ke atas kata kerja kala kini dengan mengakusatifkan kasus huruf akhirnya. Partikel ini juga membawa maksud satu penafian yang berterusan dari masa kini dan akan datang. Dalam konteks ayat ini, boleh ditafsirkan كُنْ يُقْبَلُ dengan maksud tidak akan diterima selama-lamanya sama ada pada waktu sekarang mahupun pada masa akan datang.

Kata kerja يُقْبَلُ (diterima) adalah kata kerja kala kini akusatif dengan kehadiran partikel akusatif nafi كُنْ. Pelaku ganti bagi kata kerja ini pula ialah kata ganti nama tersembunyi dengan andaian هُوَ (dia) dikembalikan kepada perkataan دِينًا (agama).

4.2.13 Ayat 88

Firman Allah s.w.t :

خَالِدِينَ فِيهَا لَا يُخَفَّفُ عَنْهُمْ الْعَذَابُ وَلَا هُمْ يُنظَرُونَ

Terjemahan : Mereka kekal di dalamnya, tidak diringankan azab seksa dari mereka dan mereka pula tidak diberi tempoh atau perhentian.

Ini adalah satu bidasan yang amat menakutkan. Ia membuat setiap hati yang mempunyai satu zarah keimanan dan kesungguhan terhadap agama di dunia dan di akhirat menjadi gementar. Itulah balasan yang wajar kepada mereka yang diberi hidayah yang kemudian mereka mengabaikannya atau berpaling dari kebenaran¹.

Terdapat dua kata kerja pasif digunakan pada klausa yang berasingan iaitu :

i. لا يُخَفَّفُ عَنْهُمْ الْعَذَابُ (*Tidak diringankan azab seksa dari mereka*).

Kata kerja يُخَفَّفُ (*diringankan*) adalah kata kerja kala kini pasif di atas pola يُفَعَّلُ yang membawa makna التَكْثِيرُ dan المَبَالِغَةُ (*bersangatan*)². Dalam konteks klausa ini ia bermaksud tidak akan sekali-kali diringankan azab seksa tersebut. Pelaku ganti kata kerja ini ialah الْعَذَابُ (*azab*) yang dinominitifkan dengan kasus berbaris depan. Pelaku gantinya ini telah didahului dengan partikel genetif عَنْهُمْ (*dari mereka*) untuk menunjukkan mesej yang dinyatakan itu lebih khusus ditujukan kepada mereka yang dimaksudkan.

ii. وَلَا هُمْ يُنْتَظَرُونَ (*Mereka tidak diberi tempoh atau perhentian*).

Kata kerja يُنْتَظَرُونَ adalah kata kerja kala kini pasif nominatif yang dikekalkan huruf nūnnya kerana ia merupakan salah satu daripada kata kerja lima. Huruf wawnya pula ialah *waw jamā'at* yang merupakan kata ganti nama diri ketiga bersambung yang boleh dirujuk kepada kata ganti nama هُمْ (*mereka*). Huruf *waw jamā'at* berada di tempat nominatif selaku pelaku ganti kepada kata kerja pasif.


¹ Al-Shahīd Sayyid Qutb (2000), *Op.cit.*, j. 2, h.396

² 'Abduh al-Rājiḥīy (1988), *al-Taḥqīq al-Naḥwī*, c.1, Beirut : Dār al-Nahḍat al-Arabiyyat, h.33

Klausa **وَلَا هُمْ يُنظَرُونَ** membawa erti bahawa apabila tiba masanya tidak akan diberi tempoh lanjutan kepada mereka untuk bertaubat kerana mereka telahpun diperingatkan tentang hal tersebut. Penggunaan klausa ini sering kali berada pada penghujung ayat setelah dinyatakan sebelumnya perkara-perkara yang berkaitan dengan balasan azab seksa terhadap mereka yang melakukan kejahatan di atas muka bumi dengan melakukan perkara yang syirik serta murtad kepada tuhan yang Maha Esa. Gaya bahasa ini telah digunakan sebanyak 5 tempat pada keseluruhan al-Quran¹.

Kedua-dua kata kerja tersebut telah didahului dengan partikel nafi. Hasil cantuman keduanya membuatkan mesej yang ingin disampaikan itu mudah difahami secara terus dan juga merupakan satu penafian yang tegas.

Rajah 4.8 : Penjelasan Struktur 8.



¹ Iaitu pada surah al-Baqarah : 162, al-Nahl : 85, al-Anbiyā' : 40, al-Sajadāt : 29.

4.2.14 Ayat 90 dan 91

Firman Allah s.w.t :

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا بَعَدَ إِيمَانِهِمْ ثُمَّ أَزْدَادُوا كُفْرًا لَنْ نَقْبَلَ تَوْبَتَهُمْ وَأُولَئِكَ هُمُ الضَّالُّونَ (٩٠) إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا وَمَاتُوا وَهُمْ كُفَّارًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْ أَحَدِهِمْ مِلءُ الْأَرْضِ ذَهَبًا وَلَوْ افْتَدَى بِهِ أُولَئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ وَمَا لَهُمْ مِنْ نَاصِرِينَ (٩١)

Terjemahan : *Sesungguhnya orang-orang yang kafur sesudah mereka beriman, kemudian mereka bertambah kafur lagi, tidak sekali-kali akan diterima taubat mereka, dan mereka itulah orang-orang yang susah.*(90) *Sesungguhnya orang-orang yang kafir, lalu mati sedang mereka tetap kafir, maka tidak sekali-kali akan diterima dari seseorang di antara mereka emas sepenuh bumi, walaupun ia menebus diri dengan (emas dengan sebanyak) itu. Mereka akan mendapat azab siksa yang tidak terperi sakitnya, dan mereka pula tidak akan beroleh seorang penolong pun. (91)*

Ayat di atas memberi peringatan yang tegas kepada mereka yang tidak mahu menerima Islam sebagai pegangan hidup mereka. Di akhirat kelak, mereka semua pasti akan menyesal di atas tindakan mereka itu. Pada saat itu tiada gunanya penyesalan dan tidak akan sekali-kali diterima taubat mereka walaupun sekiranya mereka mampu memberi tebusan emas sepenuh bumi.

Penggunaan kata kerja pasif *لَنْ يُقْبَلَ / يُقْبَلَ* (tidak akan diterima) di sini untuk menunjukkan satu tindakan yang tegas telah diambil. Pelakunya tidak disertakan supaya pemusatan fikiran dapat tertumpu kepada perkhabaran tindakan yang tegas ini. Disamping itu juga, ia dapat menggertak hati mereka yang kafur supaya cepat kembali kepada Islam yang akan menjamin kesejahteraan di bumi dan akhirat.

Pelaku ganti bagi kata kerja pasif لَنْ تُقْبَلَ ialah التَّوْبَةُ (taubat) dengan tanda nominatif kasus berbaris hadapan pada akhiran perkataan tersebut. Ahli tafsir menjelaskan bahawa yang dimaksudkan dengan taubat mereka yang tidak diterima itu adalah disebabkan kemurtadan mereka setelah mendapat cahaya keimanan. Disamping itu juga mereka tidak ikhlas bertaubat dan menunggunya ketika hampir sampai ajal maut mereka¹.

Sementara perkataan مِلًّا (sepenuh) pula adalah pelaku ganti kepada kata kerja pasif لَنْ يُقْبَلَ . Pelaku sebenar kata kerja ini ialah Allah s.w.t Maha Kaya yang tiada berhajat terhadap tawaran harta benda dari emas atau sebagainya bagi menebus dosa-dosa yang telah mereka lakukan.

4.2.15 Ayat 93

Firman Allah s.w.t :

كُلُّ الطَّعَامِ كَانَ حِلا لِبَنِي إِسْرَائِيلَ إِلَّا مَا حَرَّمَ إِسْرَائِيلُ عَلَى نَفْسِهِ مِنْ قَبْلِ أَنْ تُنَزَّلَ التَّوْرَةُ قُلْ فَأَتُوا بِالتَّوْرَةِ فَأْتَلُوهَا إِن كُنتُمْ صَادِقِينَ

Terjemahan : *Segala jenis makanan dahulunya adalah halal bagi Bani Israil, kecuali makanan yang diharamkan oleh Israil (Nabi Ya'qub) kepada dirinya sendiri sebelum diturunkan kitab Taurat. Katakanlah (wahai Muhammad) : “ (Jika ada makanan yang diharamkan kepada kamu - wahai Bani Israil - sebelum kitab Tuarat diturunkan) maka bawalah kamu kitab Taurat itu kemudian bacalah akan dia, kalau betul kamu orang-orang yang benar ”.*

Ayat di atas memperlihatkan mu'jizat Rasulullah s.a.w dengan membuktikan bahawa Baginda mengetahui isi kandungan kitab Taurat yang sebenar. Peristiwa ini berlaku apabila

¹ Al-Tūsi (tt), op.cit, h.527

Bani Israil mendakwa terdapat makanan yang haram tetapi telah dihalalkan oleh Baginda. Hal ini seolah-olah bercanggah dengan apa yang dibawa oleh para rasul a.s terdahulu. Lantas ayat ini diturunkan sebagai bukti kebenaran syariat yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w serta mencabar mereka supaya membawa kitab Taurat untuk melihat isi kandungannya yang sebenar.

Jadual 4.2 : Fleksi Ayat Ragam Pasif 2.

<p>مِنْ قَبْلِ أَنْ تُنَزَّلَ التَّوْرَةُ</p> <p>Terjemahan : <i>Sebelum diturunkan kitab Taurat</i></p>	
مِنْ قَبْلِ	<p>مِنْ - Partikel genitif (huruf <i>jar</i>)</p> <p>قَبْلِ - Kata genitif (<i>majrūr</i>) dengan partikel مِنْ. Kenyataannya belum cukup sempurna dan memerlukan kepada kata lain untuk disandarkan.</p>
أَنْ تُنَزَّلَ	<p>أَنْ - Partikel akusatif dan <i>maṣḍar</i>.</p> <p>تُنَزَّلَ - Kata kerja kala kini pasif akusatif dengan partikel أَنْ. Cantuman partikel maṣḍar dan kata kerja ini membentuk kata menjadi <i>maṣḍar mu'awwal</i>.</p>
التَّوْرَةَ	<p>التَّوْرَةَ - Pelaku ganti bagi kata kerja pasif تُنَزَّلَ.</p> <p>- frasa أَنْ تُنَزَّلَ التَّوْرَةَ berada pada tempat genitif sebagai kata sandaran kepada قَبْلِ (sebelum) dan melengkapkan maknanya.</p>

4.2.16 Ayat 96

Firman Allah s.w.t :

إِنَّ أَوَّلَ بَيْتٍ وُضِعَ لِلنَّاسِ لَلَّذِي بِبَكَّةَ مُبَارَكًا وَهُدًى لِّلْعَالَمِينَ

Terjemahan : *Sesungguhnya rumah ibadah yang mula-mula dibangun untuk manusia (beribadah kepada tuhan) ialah Baitullah di Mekah yang berkat dan (dijadikan) pertunjuk hidayah bagi umat manusia.*

Diperjelaskan di dalam ayat ini bahawa Ka'bah merupakan rumah pertama didirikan di atas muka bumi ini sebagai tempat beribadah bagi umat manusia. Orang yang bertanggungjawab membina rumah ini ialah nabi Ibrahim a.s yang turut dibantu oleh anaknya nabi Ismail a.s. Ka'bah merupakan sumber hidayat bagi sekalian manusia. Oleh itu ia adalah semulia tempat dan diberkati bagi umat Islam. Ia merupakan tempat yang digalakkan diziarahi, malah bertawaf padanya sebanyak tujuh kali adalah rukun kesempurnaan ibadah haji dan umrah bagi mereka yang berkemampuan.


Ayat ini menggunakan kata kerja pasif **وُضِعَ** (*dibangunkan*) untuk menyatakan suatu makluman penting ini. Kenyataan ini secara langsung menyangkal dakwaan orang Yahudi yang mendakwa bahawa Baitul Maqdis adalah tempat pertama untuk manusia beribadah. Oleh sebab itu pada pandangan mereka adalah tidak wajar umat Islam mengkiblatkan ke arah Ka'bah.

Penggunaan kata kerja pasif sebegini membuatkan maklumat yang disampaikan itu lebih jelas dan mantap. Keadaan ini memusatkan fikiran manusia supaya tertumpu terus kepada mesej yang hendak dinyatakan tanpa perlu diberi perhatian kepada sesuatu yang dianggap kurang penting.

Dalam konteks ayat di atas, objektif utama kenyataan ini adalah untuk memaklumkan bahawa Ka'bah itu merupakan tempat pertama dijadikan untuk manusia sebagai tempat beribadah. Permasalahan siapakah yang menjadikan tempat tersebut bukanlah sesuatu yang perlu diberi perhatian penting pada ketika ini.

Kata kerja **وَضِعَ** adalah kata kerja kala lampau pasif. Pelaku gantinya ialah kata ganti nama tersembunyi dengan andaian **هُوَ** (*dia*) kembali kepada perkataan **بَيْتٍ** (*rumah ibadat*). Pelaku sebenarnya telah dimansuhkan iaitu Allah s.w.t dengan diandaikan kesempurnaan maknanya **وَضِعَ اللَّهُ بَيْتًا لِلنَّاسِ** (*Allah s.w.t telah membangunkan rumah ibadah untuk manusia*)¹.

Rajah 4.9 : Penjelasan Struktur 9.



4.2.17 Ayat 100

Firman Allah s.w.t :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِن تَطِيعُوا فَرِيقًا مِنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ يَرُدُّوكُمْ بَعْدَ إِيمَانِكُمْ كَافِرِينَ

Terjemahan : *Wahai orang-orang beriman ! Jika kamu taat akan sesuatu puak dari orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberikan kitab itu, nescaya mereka akan mengembalikan kamu menjadi orang-orang kafir sesudah kamu beriman.*

¹ al-Kashshāf (1972), *op.cit.*, j. 1, h.446

Ayat ini menasihati kaum muslimin supaya berwaspada terhadap golongan Ahli Kitab dan jangan sekali-kali mengikuti jejak langkahnya. Ini kerana jalan yang dituju oleh mereka membawa kepada kekufuran.

Kenyataan ayat ini menggunakan ungkapan yang terdiri daripada kata kerja pasif iaitu أَوْثُوا الْكِتَابَ (*orang-orang yang diberikan kitab*). Ungkapan ini telah dibincang pada ayat 19, ceraian 4.2.3. (sila lihat ayat tersebut untuk maklumat lebih lanjut)

4.2.18 Ayat 101

Firman Allah s.w.t :

وَكَيْفَ تَكْفُرُونَ وَأَنْتُمْ تُتْلَىٰ عَلَيْكُمْ آيَاتُ اللَّهِ وَفِيكُمْ رَسُولُهُ وَمَنْ يَعْتَصِم بِاللَّهِ فَقَدْ هُدِيَ إِلَىٰ صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ

Terjemahan : *Dan bagaimana kamu akan menjadi kafir , pada hal kepada kamu dibacakan ayat-ayat al-Quran , dan di kalangan kamu ada rasul-Nya (Muhammad s.w.a) ? Dan siapa berpegang teguh kepada agama Allah, maka sesungguhnya ia telah beroleh petunjuk hidayah ke jalan yang betul (lurus) .*

Ayat ini menasihati umat Islam supaya tidak mengikuti jejak langkah Ahli Kitab yang menyeleweng dari kebenaran. Mereka hendaklah menjaga aqidah dengan berpegang teguh kepada ajaran Islam sebagaimana yang terkandung di dalam kitab suci al-Quran. Ini kerana aqidah merupakan benteng utama umat Islam untuk mencapai kejayaan di dunia dan akhirat. Hanya mereka yang berpegang teguh kepada Allah s.w.t sahaja akan terselamat dan mendapat petunjuk Hahi.

Di dalam ayat ini, terdapat dua klausa yang mengguna gaya bahasa ragam pasif iaitu :

i. تُتْلَىٰ عَلَيْكُمْ آيَاتُ اللَّهِ (*Dibacakan kepada kamu ayat-ayat al-Quran*).

Kata kerja **تُتْلَى** (*dibacakan*) adalah kata kerja kala kini pasif nominatif dengan andaian kasus berbaris hadapan pada akhiran perkataannya. Manakala palaku ganti bagi kata kerja tersebut ialah **آيَاتُ** (*ayat-ayat*) yang dinominatifkan dengan kasus baris hadapan pada akhir perkataan.

Dalam konteks ayat di atas, pada asalnya pelaku kata kerja yang telah dimansuhkan itu ialah Rasulullah¹ s.a.w yang merupakan utusan Allah s.w.t untuk membimbing umat manusia sejagat dengan membacakan ayat-ayat Allah (al-Quran) yang telah diturunkan kepadanya. Namum begitu, pekerjaan ini diwarisi oleh umat Baginda s.a.w yang akan berdakwah dengan membaca ayat-ayat Allah s.w.t sebagai amaran dan peringatan. Oleh sebab itu, amatlah sesuai digunakan kata kerja pasif dalam keadaan ini untuk menunjukkan bahawa perkerjaan itu bukan hanya dikhususkan kepada Rasulullah s.a.w semata-mata, bahkan tugas ini juga hendaklah diwarisi oleh umatnya pada generasi akan datang.

ii. **فَقَدْ هُدِيَ إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ** (*Sesungguhnya ia telah beroleh petunjuk hidayah ke jalan yang lurus*). Pada klausa ini kata kerja pasif **هُدِيَ** (*telah beroleh petunjuk*) telah digunakan. Penggunaannya lebih efektif dengan kehadiran partikel pengukuhan **قَدْ** (*pasti*) di hadapannya. Hasil gabungan keduanya membuatkan


¹ al-Zamakhshariy (1972), *op.cit*, h.450

kenyataan yang dilontarkan itu lebih jelas dan muktamad, sesuatu yang pasti diperolehi. Dalam konteks ayat, ia boleh membawa maksud bahawa seseorang itu pasti memperolehi petunjuk sekiranya dia bersungguh-sungguh berpegang pada agama Allah s.w.t.

Kata kerja هُدِيَ adalah kata kerja kala lampau pasif. Pelaku gantinya boleh ditentukan salah satu daripada dua keadaan berikut :

- a) Andaian kehadiran kata ganti nama tersembunyi هُوَ (dia) dikembalikan kepada perkataan مَنْ (siapa).
- b) Kata genitif khusus yang berada selepas kata kerja pasif iaitu : إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ (jalan yang lurus). Ini kerana kata genitif ini telah menepati syarat yang ditetapkan untuk membolehkannya menjadi pelaku ganti¹.

Rajah 4.10 : Penjelasan Struktur 10.



¹ Sila lihat bab tiga, ceraihan 3.4.4 : Unsur Kata Genitif

4.2.19 Ayat 109

Firman Allah s.w.t :

وَلِلّٰهِ مَا فِي السَّمٰوٰتِ وَمَا فِي الْاَرْضِ وَاِلٰى اللّٰهِ تُرْجَعُ الْاُمُوْرُ

Terjemahan : *Dan bagi Allah jualah hak milik segala yang ada di langit dan yang ada di bumi, dan kepada Allah jualah dikembalikan segala urusan.*

Ayat ini merupakan rumusan kepada kumpulan ayat dari 104 hingga 109 yang membicarakan kewajipan kerja dakwah yang patut diwarisi oleh umat Muhammad s.a.w dari generasi ke satu generasi lain. Kerja ini hendaklah diteruskan bagi menyebarkan agama Allah s.w.t keserata dunia untuk menjamin kesejahteraan dan keselamatan umat manusia di dunia dan akhirat. Semua urusan ini merupakan kawalan Allah s.w.t.


Pembicaraan ini diakhiri dengan klausa وَالِى اللّٰهِ تُرْجَعُ الْاُمُوْرُ (*Kepada Allah s.w.t sahaja akan dikembalikan segala urusan*) yang dilengkapi dengan penggunaan kata kerja pasif اِلٰى اللّٰهِ (*dikembalikan*). Didahului sebelum kata kerja pasif tersebut kata genitif اِلٰى اللّٰهِ (*kepada Allah s.w.t*). Dalam konteks ini, ia membawa maksud bahawa kepada Allah s.w.t sahaja akan dirujuk segala urusan.

Pemilihan penggunaan kata kerja pasif di sini menepati keperluan mesej yang hendak dinyatakan. Ini kerana fokus utama mesej yang hendak dinyatakan ialah segala urusan manusia dikawal oleh tuhan yang Maha Kuasa yang menetapkan segala qada' dan qadarnya. Oleh sebab itu pelakunya tidak perlu dinyatakan bagi membolehkan pemusatan fikiran kepada matlumut utama yang hendak disampaikan.

Gaya bahasa sebegini digunakan sebanyak enam kali¹ pada keseluruhan kitab suci al-Quran. Pada lazimnya, struktur sebegini digunakan pada penghujung ayat setelah dinyatakan sebelumnya perkara-perkara yang berhubung dengan urusan pengadilan amalan manusia serta ketentuan qada' dan qadar pada diri mereka.

Kata kerja **تُرْجَعُ** (*dikembalikan*) adalah kata kerja kala kini pasif nominatif dengan kasus baris hadapan pada akhir suku katanya. Pelaku gantinya pula ialah **الْأُمُورُ** (*segala urusan*), dinominatifkan akhir suku katanya dengan kasus baris hadapan.

Rajah 4.11 : Penjelasan Struktur 11.



4.2.20 Ayat 110

Firman Allah s.w.t :

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْ آمَنَ أَهْلُ
الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ مِنْهُمُ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ

Terjemahan : **Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang dari segala perkara yang salah (buruk dan keji) serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman). Dan kalaulah Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana semestinya), tentulah iman itu menjadi baik bagi mereka, (tetapi) di antara mereka ada yang beriman , dan kebanyakan dari mereka orang-orang yang fasik.**

¹ Iaitu pada surah al-Baqarah : 210, Al 'Imrān : 109, al-Anfāl : 44, al-Hājj : 76, dan Fātir : 4, al-Ḥadid : 5

Penggunaan kata kerja pasif **أُخْرِجَتْ** (*dilahirkan*) membayangkan kuasa pentadbir yang lemah lembut yang telah membangkitkan umat ini dengan penuh kemuliaan dan kehormatan¹. Hakikat ini yang harus difahami oleh kaum muslimin supaya mereka mengenal diri sendiri bahawa mereka diangkat oleh Allah s.w.t sebagai umat terbaik untuk menjadi angkatan barisan hadapan yang memegang teraju kepimpinan. Mereka merupakan golongan yang beriman kepada Allah s.w.t dan menyebarkan dakwah untuk memperkembangkan agama Allah di atas muka bumi ini dengan pendekatan menyeru ke arah kebaikan dan mencegah dari kemungkaran.

Kata kerja **أُخْرِجَتْ** adalah kata kerja kala lampau pasif berkasus baris mati kerana bersambung dengan huruf *tā' tāsīnīh*. Pelaku gantinya ialah kata ganti nama tersembunyi dengan andaian **هِيَ** (*dia*) kembali kepada **أُمَّةٌ** (*umat*).

4.2.21 Ayat 111

Firman Allah s.w.t :

لَنْ يَضُرُّوكُمْ إِلَّا أَذَىٰ وَإِنْ يَقَالُوا كُفُّوا لَكُمْ يُدْبِرُ لَكُمْ لَنْ يَنْصُرُونَ

Terjemahan : *Mereka (kaum Yahudi dan Nasrani) tidak sekali-kali akan membahagiakan kamu kecuali menyakiti (perasaan kamu dengan ejekan-ejekan dan tuduhan-tuduhan yang yang tidak berasas). Dan jika memerangi kamu, mereka akan berpaling lari membelakangi kamu (kalah dengan sehina-hinanya), **sesudah itu mereka tidak akan mencapai kemenangan.***

¹ Al-Shahid Sayyid Qutb (1972), *Op.cit.*, j. 4, h.447


Dinyatakan pada ayat di atas bahawa golongan Ahli Kitab dan anggota pakatan mereka tidak akan dapat menghancurkan umat Islam serta menyekat perkembangannya. Mereka hanya mampu mencerca dan membuat tuduhan palsu serta memutar belit berita sebenar yang sudah pasti akan mencetuskan api kemarahan. Usaha mereka ini tidak akan menggugat usaha dakwah umat Islam, malah ia dianggap sebagai pencetus semangat. Oleh sebab itu, apabila berperang dengan mereka, kekalahan pasti akan memihak kepadanya.

Didapati sebelum kata kerja pasif **يُنصَرُونَ** (*dibantu*) didahului dengan pratikel nafi **لا**.

Gabungan keduanya menghasilkan kenyataan yang pasti serta tegas yang mudah difahami.

Kata kerja **يُنصَرُونَ** ini adalah kata kerja kala kini pasif nominatif dengan dikekalkan huruf nūnnya kerana ia merupakan salah satu dari kata kerja lima. Huruf *wawnya* pula adalah *waw jamā'at* yang merupakan kata ganti nama bersambung berada di tempat nominatif selaku pelaku ganti.

Rajah 4.12 : Penjelasan Struktur 12.



4.2.22 Ayat 112

Firman Allah s.w.t :

ضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الذَّلَّةُ أَيْنَ مَا تَقَفُوا إِلَّا بِحَبْلٍ مِنَ اللَّهِ وَحَبْلٍ مِنَ النَّاسِ وَبَاءُوا بِغَضَبٍ مِنَ اللَّهِ وَضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الْمَسْكَنَةُ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ كَانُوا يَكْفُرُونَ بِآيَاتِ اللَّهِ وَيَقْتُلُونَ الْأَنْبِيَاءَ بِغَيْرِ حَقِّ ذَلِكَ بِمَا عَصَوْا وَكَانُوا يَعْتَدُونَ

Terjemahan : **Mereka ditimpa kehinaan (dari segala jurusan)** di mana saja mereka berada, kecuali dengan adanya sebab dari Allah dan adanya sebab dari manusia. Dan sudah sepatutnya mereka beroleh kemurkaan dari Allah, dan **mereka ditimpa kemiskinan (dari segala jurusan)**. Yang demikian itu ialah disebabkan mereka sentiasa kufur ingkar akan ayat-ayat Allah (perintah-perintah-Nya), dan mereka membunuh nabi-nabi dengan tidak ada alasan yang benar. Semuanya itu ialah disebabkan mereka derhaka dan mereka sentiasa mencerubuhi hukum-hukum Allah s.w.t.

Di dalam ayat di atas, Allah s.w.t telah menggambarkan kehinaan dan kepapaan melingkari kehidupan Ahli Kitab. Ini merupakan salah satu balasan segera yang dikenakan ke atas mereka di atas muka bumi ini lagi. Balasan ini adalah hukuman Allah s.w.t yang dikenakan kepada mereka yang melakukan penyelewengan serta menolak kebenaran setelah mendapat hidayah Ilahi. Hukuman balasan ini dinyatakan dengan ayat yang menggunakan kata kerja pasif iaitu :

- i. ضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الذَّلَّةُ أَيْنَ مَا تَقَفُوا (Mereka ditimpa kehinaan di mana saja mereka berada).
- ii. وَضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الْمَسْكَنَةُ (Mereka ditimpa kemiskinan).

Kedua-dua klausa di atas menggunakan kata kerja pasif ضُرِبَتْ (ditimpa) yang kemudiannya diikuti dengan partikel jarr (عَلَيْهِمْ). Pemakaian kata kerja pasif dan partikel jarr sebegini mempunyai beberapa faedah antaranya :

- a) Pernyataan partikel *jarr* عَلَيْهِمْ menjelaskan bala yang dikenakan itu dikhususkan kepada golongan tertentu.
- b) Mesej yang disampaikan lebih jelas, ringkas, padat dan mudah difahami.

Pelaku kata kerja tersebut dimansuhkan berdasarkan konteks ayat yang tidak memerlukannya. Ini kerana fokus mesej adalah tertumpu kepada perihal bala yang dikena. Pernyataan pelaku hanya memanjangkan percakapan dan sekaligus melambatkan sesuatu mesej yang diterima untuk diterjemahkan oleh otak manusia.

Kata kerja ضَرَبَتْ adalah kata kerja kala lampau pasif bersambung dengan huruf *tā' tā'nāh*. Bagi menggantikan tempat pelaku yang telah dimansuhkan, perkataan الذَّلَّةُ (kehinaan) pada klausa pertama dan perkataan الْمَسْكِنَةُ (kemiskinan) pada klausa kedua dinominatifkan dengan kasus baris hadapan di akhir suku katanya sebagai pelaku ganti kata kerja pasif.

4.2.23 Ayat 115

Firman Allah s.w.t :

وَمَا يَفْعَلُوا مِنْ خَيْرٍ فَلَنْ يُكْفَرُوهُ وَاللَّهُ عَلِيمٌ بِالْمُتَّقِينَ

Terjemahan : *Dan apa saja kebajikan yang mereka kerjakan, maka tidak sekali-kali akan diingkari (atau disekat dari mendapat pahalanya). Dan ingatlah Allah s.w.t sentiasa mengetahui akan keadaan orang-orang bertakwa.*

Digambarkan pada ayat di atas dan sebelumnya pecahan golongan yang terdapat pada Ahli Kitab. Ada di antara mereka yang tidak beriman dan menyeleweng dari kebenaran, sementara satu golongan lain masih berpegang teguh pada ajaran kitab Taurat dan menerima ajaran Islam sepenuhnya.

Klausa *وَمَا يَفْعَلُوا مِنْ خَيْرٍ فَلَنْ يُكْفَرُوهُ* (*Dan apa saja kebajikan yang mereka kerjakan, maka tidak sekali-kali akan diingkari*) ditujukan kepada Ahli Kitab yang menerima Islam serta mempraktikkan segala yang disyariatkan di dalam kehidupan mereka. Segala ganjaran amalan mereka tidak akan disekat, malahkan tetap akan dikurniakan pahala di atas usaha kebajikan yang mereka kerjakan itu.

Kata kerja *يُكْفَرُوهُ* (*diingkari*) adalah kata kerja kala kini akusatif dengan kehadiran partikel akusatif nafi *لَنْ* yang membawa maksud satu penafian yang berterusan dari masa kini dan akan datang. Tanda akusatifnya ialah dimansuhkan huruf *nūn*nya kerana ia merupakan salah satu dari kata kerja lima. Manakala pelaku gantinya pula ialah *waw jamā'at* yang merupakan kata ganti nama bersambung yang membawa maksud *هُم* (*mereka*). Huruf *hā'* (*هاء*) di akhir suku kata kerja itu adalah kata ganti nama diri ketiga bersambung yang membawa maksud "nya", berada ditempat akusatif sebagai objek kedua.

4.2.24 Ayat 131

Firman Allah s.w.t :

وَاتَّقُوا النَّارَ الَّتِي أُعِدَّتْ لِلْكَافِرِينَ

Terjemahan : *Dan peliharalah diri kamu dari api neraka yang telah disediakan bagi orang-orang kafir.*


Kenyataan yang diutarakan kelihatan ringkas dan pendek. Namun, gaya bahasa yang digunakan adalah amat jelas dan mudah difahami. Kenyataannya menggunakan kata kerja *أُعِدَّتْ* (*disediakan*) dari jenis kata kerja kala lampau pasif, tetapi digunakan untuk

menyatakan peristiwa akan datang. Keadaan ini membuat kenyataan yang dinyatakan itu pasti akan berlaku sepertimana yang telah dijanjikan. Penggunaannya membuat seolah-olah ia telah berlaku pada masa sekarang. Oleh yang demikian, gaya bahasa sebegini mampu menggerunkan hati bagi sesiapa yang menghayatinya.

Kata kerja أُعِدَّتْ (*disediakan*) adalah kata kerja kala lampau berkasus baris mati kerana bersambung dengan huruf *tā' tā'nīh*. Pelakunya dimansuhkan kerana telah diketahui umum iaitu Allah s.w.t. Oleh sebab itu, menyatakan pelaku tidak memberi sebarang faedah tambahan malah ia dianggap sesuatu yang sia-sia.

Pelaku gantinya ialah kata ganti nama tersembunyi dengan andaian هي (*dia*), iaitu merujuk kepada perkataan النَّارَ (*api neraka*). Oleh itu, makna yang hendak dinyatakan ialah “Disediakan api neraka bagi orang-orang kafir”.

Rajah 4.13 : Penjelasan Struktur 13.



4.2.25 Ayat 132

Firman Allah s.w.t :

وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ

Terjemahan : *Dan taatlah kamu kepada Allah dan rasul-Nya supaya kamu diberi rahmat.*

Penggunaan kata kerja pasif *تُرْحَمُونَ* (*kamu diberi rahmat*) pada ayat di atas menjadikan kenyataan yang diwujudkan itu lebih umum. Ini kerana pelaku kata kerja tersebut tidak dinyatakan secara jelas menyebabkan pelakunya boleh diandaikan sama ada Allah s.w.t, kaum muslimin ataupun seluruh penghuni alam ini.


Oleh sebab itu, kenyataan tersebut boleh membawa maksud bahawa akan dirahmati Allah s.w.t, kaum muslimin dan seluruh penghuni alam bagi mereka yang mentaati Allah s.w.t dan Rasulullah s.a.w.

Kata kerja *تُرْحَمُونَ* adalah kata kerja kala kini pasif yang dinominatifkan dengan dikekalkan huruf *nūn*nya kerana ia merupakan salah satu daripada kata kerja lima. Pelaku gantiannya ialah huruf *waw jam'ā'at* yang merupakan kata ganti nama bersambung yang membawa maksud *هُم* (*mereka*).

Gaya bahasa sebegini digunakan secara berulang kali iaitu sebanyak lapan tempat pada keseluruhan al-Quran¹. Pada kebiasaannya ia dinyatakan pada penghujung ayat yang telah diterangkan sebelumnya perkara-perkara yang berbentuk nasihat dan pengajaran yang berkaitan dengan keutuhan aqidah dan kemantapan iman umat Islam.

¹ Iaitu pada surah Āl 'Imrān : 132, al-An'ām : 155, al-'Arāf : 63 dan 204, al-Nūr : 56, al-Naḥl : 46, Yāsin : 45 dan al-Ḥujurāt : 15.

Rajah 4.14 : Penjelasan Struktur 14.



4.2.26 Ayat 133

Firman Allah s.w.t :

وَسَارِعُوا إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا السَّمَاوَاتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ

Terjemahan : *Dan bersegeralah kamu kepada (mengerjakan amal-amal yang baik untuk mendapat) keampunan dari tuhan kamu, dan mendapat syurga yang bidangnya seluas segala langit dan bumi yang disediakan bagi orang-orang yang bertakwa.*

Pelaku gantinya ialah kata ganti nama tersembunyi dengan andaian *هي* (*dia*), iaitu merujuk

kepada perkataan *جَنَّةٍ* (*syurga*). Oleh itu, makna yang hendak dinyatakan ialah

“Disediakan syurga bagi orang-orang yang bertakwa”.

4.2.27 Ayat 144

Firman Allah s.w.t :

وَمَا مُحَمَّدٌ إِلَّا رَسُولٌ قَدْ خَلَتْ مِن قَبْلِهِ الرُّسُلُ أَفَإِن مَّاتَ أَوْ قُتِلَ انْقَلَبْتُمْ عَلَىٰ أَعْقَابِكُمْ وَمَنْ يَنْقَلِبْ عَلَىٰ عَقْبَيْهِ فَلَن يَضُرَّ اللَّهَ شَيْئًا وَسَيَجْزِي اللَّهُ الشَّاكِرِينَ

Terjemahan : *Dan Muhammad itu tidak lain hanyalah seorang rasul, yang sudahpun didahului oleh beberapa orang rasul (yang telah mati atau terbunuh). Jika demikian, kalau ia mati atau terbunuh (patutkah) kamu berbalik (berpaling tadah menjadi kafir)?. Dan ingatlah sesiapa yang berbalik (berpaling tadah menjadi kafir) maka ia tidak akan mendatangkan mudarat kepada Allah sedikit pun, dan sebaliknya Allah akan memberi balsan pahala kepada orang-orang yang bersyukur (akan nikmat Islam yang tiada bandingannya itu).*

Ayat ini mengimbas peristiwa ketika perang Uhud yang menyebabkan orang-orang Islam mengalami kekalahan dan ramai di kalangan mereka terbunuh. Orang-orang musyrik telah mengambil peluang ini dengan melaungkan bahawa nabi Muhammad s.a.w sudah terbunuh. Apabila golongan muslimin mendengar laungan tersebut, mereka menjadi tidak bermaya dan semangat jihad mereka menjadi luntur. Pada waktu yang sama orang-orang munafik menyeru orang-orang Islam supaya kembali kepada agama asal mereka. Lantas turunlah ayat ini bagi menjernihkan keadaan serta menegur dan memperingatkan orang-orang mukmin supaya teguh di dalam agama Allah s.w.t pada apa jua situasi.

Di dalam konteks ayat di atas, kata kerja pasif **قُتِلَ** (*terbunuh*) digunakan kerana ia satu keperluan bagi mewujudkan kenyataan yang umum. Pelaku kata kerja itu tidak dinyatakan kerana tiada sesiapa yang melakukan kerja pembunuhan tersebut, malah ia hanya merupakan andaian yang belum pasti siapa melakukannya. Tambahan pula pola sebegini digunakan untuk menunjukan sesuatu yang tidak diinginkan berlaku. Sekiranya ia berlaku, ia merupakan diluar jangkaan dan sesuatu yang tidak disangka-sangkakan.

Kata kerja **قُتِلَ** adalah kata kerja kala lampau pasif dan pelaku gantinya pula ialah kata ganti nama tersembunyi dengan andaian **هُوَ** (*dia*) yang dikembalikan kepada perkataan **مُحَمَّدٌ**.

4.2.28 Ayat 154

Firman Allah s.w.t :

ثُمَّ أَنْزَلَ عَلَيْكُمْ مِنْ بَعْدِ الْغَمِّ أَمَنَةً نَاعَسًا يَغِيشى طَائِفَةً مِنْكُمْ وَطَائِفَةٌ قَدْ أَهَمَّتْهُمْ أَنْفُسُهُمْ يَظُنُونَ بِاللَّهِ غَيْرَ الْحَقِّ ظَنَّ الْجَاهِلِيَّةِ يَقُولُونَ هَلْ لَنَا مِنَ الْأَمْرِ مِنْ شَيْءٍ قُلْ إِنْ الْأَمْرُ كُلُّهُ لِلَّهِ يُخْفُونَ فِي أَنْفُسِهِمْ مَا لَا يُبْدُونَ لَكَ يَقُولُونَ لَوْ كَانَ لَنَا مِنَ الْأَمْرِ شَيْءٌ مَا قُتِلْنَا هَاهُنَا قُلْ لَوْ كُنْتُمْ فِي بُيُوتِكُمْ لَبَرَزَ الَّذِينَ كُتِبَ

عَلَيْهِمُ الْقَتْلُ إِلَىٰ مَضَاجِعِهِمْ وَلِيَبْتَلِيَ اللَّهُ مَا فِي صُدُورِكُمْ وَلِيُمَحَّصَ مَا فِي قُلُوبِكُمْ وَاللَّهُ عَلِيمٌ بِذَاتِ الصُّدُورِ

Terjemahan : Kemudian sesudah (kamu mengalami kejadian) yang mendukacitakan itu, Allah menurunkan kepada kamu perasaan aman dan tenteram, iaitu rasa mengantuk yang meliputi segolongan dari kamu (golongan yang teguh imannya lagi ikhlas), sedang segolongan yang lain yang hanya mementingkan diri sendiri menyangka terhadap Allah dengan sangkaan yang tidak benar seperti sangkaan orang-orang jahiliah. Mereka berkata: " Adakah bagi kita sesuatu bahagian dari pertolongan kemenangan itu ? ". Katakanlah (wahai Muhammad) : " Sesungguhnya perkara-perkara (yang telah dijanjikan) itu semuanya tertentu bagi Allah (Dialah sahaja yang berkuasa melakukannya menurut peraturan-peraturan yang ditetapkannya) ". Mereka menyembunyikan di dalam hati mereka apa yang tidak mereka nyatakan kepada kamu. Mereka berkata (sesama sendiri) : " Kalaulah ada sedikit bahagian kita dari pertolongan yang dijanjikan itu, tentulah (orang-orang) kita tidak terbunuh di tempat ini ". Katakanlah (wahai Muhammad) : " Kalau kamu berada di rumah kamu sekalipun, nescaya keluarlah juga orang-orang yang telah ditakdirkan (oleh Allah) akan terbunuh itu ke tempat mati masing-masing ". Dan (apa yang berlaku di medan perang Uhud itu) dijadikan oleh Allah untuk menguji apa yang ada dalam dada kamu, dan untuk membersihkan apa yang ada di dalam hati kamu. Dan ingatlah Allah sentiasa mengetahui akan segala (isi hati) yang ada di dalam dada.

Digambarkan di dalam ayat di atas leteran orang-orang yang tidak untuh aqidahnya serta tidak ikhlas berjihad pada jalan Allah s.w.t. Mereka menyangka sesuatu yang buruk terhadap Rasulullah s.a.w dan Allah s.w.t. Ini kerana mereka tidak tahan ujian Allah s.w.t dengan kekalahan yang dialami semasa peperangan Uhud serta ramai dari kalangan mereka yang mati. Sehingga mereka sanggup mengeluarkan perkataan bahawa sekiranya mereka tidak keluar ke medan peperangan sudah pasti tidak ada yang terbunuh. Oleh itu turunya ayat ini untuk menyatakan hakikat sebenar dan memperbetulkan sangkaan buruk mereka itu.

Terdapat dua kata kerja pasif digunakan pada ayat di atas iaitu :

i. مَا قُتِلْنَا هَاهُنَا (Kita tidak terbunuh di tempat ini).

Kata kerja قُتِلْنَا (kita terbunuh) adalah kata kerja kala lampau. Dipasifkan kata kerja ini adalah untuk menunjukkan sesuatu pekerjaan yang tidak disangkakan dan juga ia tidak diinginkan berlaku. Pelaku gantinya ialah كُنَّا yang membawa maksud نحن (kami), dan ia merupakan kata ganti nama bersambung, berada di tempat nominatif kerana telah mengantikan tempat pelaku. Didahului kata kerja pasif tersebut dengan partikel nafi مَا (tidak) yang seolah-olah membawa maksud tidak sekali-kali kami akan terbunuh.

ii. الَّذِينَ كُتِبَ عَلَيْهِمُ الْقَتْلُ (Orang-orang yang telah ditakdirkan akan terbunuh).

Kata kerja كُتِبَ (ditakdirkan) adalah kata kerja kala lampau. Pelakunya tidak dinyatakan kerana telah diketahui umum iaitu Allah s.w.t. Sebagai mengganti tempat pelaku yang tidak dinyatakan tersebut, perkataan الْقَتْلُ (terbunuh) telah dinominatifkan dengan kasus baris hadapan pada akhir suku katanya selaku pelaku ganti.

Penggunaan kata kerja pasif كُتِبَ di sini adalah sebagai membidas sangkaan mereka yang mengatakan مَا قُتِلْنَا هَاهُنَا yang juga menggunakan kata kerja pasif. Penggunaan gaya bahasa ragam pasif di sini seolah-olah menggambarkan sesuatu yang telah ditetapkan dan tidak akan berubah.

4.2.29 Ayat 156

Firman Allah s.w.t :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَكُونُوا كَالَّذِينَ كَفَرُوا وَقَالُوا لِإِخْوَانِهِمْ إِذَا ضَرَبُوا فِي الْأَرْضِ أَوْ كَانُوا غُزًى لَوْ
كَانُوا عِنْدَنَا مَا مَاتُوا وَمَا قُتِلُوا لِيَجْعَلَ اللَّهُ ذَلِكَ حَسْرَةً فِي قُلُوبِهِمْ وَاللَّهُ يُحْيِي وَيُمِيتُ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ
بَصِيرٌ

Terjemahan : *Wahai orang-orang yang beriman ! Janganlah kamu menjadi seperti orang-orang (munafik) yang telah kufur dan berkata kepada saudara-saudaranya apabila mereka pergi mengembara di muka bumi untuk berniaga, atau keluar berperang (lalu mati atau terbunuh) : “ Kalau mereka tinggal bersama-sama kita, tentulah mereka tidak mati dan tidak terbunuh ”. (Apa yang mereka katakan itu tidak ada faedahnya) bahkan akibatnya Allah menjadikan (kesan perkataan dan kepercayaan mereka) yang demikian itu penyesalan di dalam hati mereka. Dan ingatlah Allah yang menghidupkan dan yang mematikan, dan sentiasa melihat akan segala yang kamu lakukan.*

Di sini Allah s.w.t menasihatkan orang-orang beriman supaya tidak mengikut jejak langkah kaum munafik yang sudah pasti akan melemahkan semangat juang yang ada sekian lama di dalam hati-hati mereka. Di antara fahaman orang munafik yang perlu dibendung ialah mereka beranggapan bahawa dengan tidak melibatkan diri dalam medan jihad dapat memanjangkan umur dan dapat menghindarkan diri dari kematian.

Kata kerja قُتِلُوا (*terbunuh*) adalah kata kerja kala lampau pasif. Huruf *waw* pada akhirnya adalah kata ganti nama bersambung yang berada di tempat nominatif selaku pelaku ganti. Pelakunya tidak perlu dinyatakan kerana objektif utama mesej tersebut adalah menceritakan perihal kematian yang tidak diingini dan disangka-sangkakan.

4.2.30 Ayat 157 dan 158

Firman Allah s.w.t :

وَلَنْ قُتِلْتُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَوْ مُتُّمْ لَمَغْفِرَةٍ مِنَ اللَّهِ وَرَحْمَةٍ خَيْرٌ مِمَّا يَجْمَعُونَ (157) وَلَنْ مُتُّمْ أَوْ قُتِلْتُمْ
لِإِلَى اللَّهِ تُخْشَرُونَ (158)

Terjemahan : **Demi sesungguhnya jika kamu terbunuh pada jalan Allah (dalam perang *sabil*), atau kamu mati (mati biasa semasa mengerjakan kebajikan umum), sesungguhnya keampunan dari Allah dan rahmat-Nya adalah lebih baik (bagi kamu) daripada apa yang mereka (orang-orang kafir atau munafik) itu himpunkan (meliputi segala jenis kesenangan hidup).(157) Demi sesungguhnya jika kamu mati atau **terbunuh**, sudah tentu kepada Allah jualah **kamu akan dihimpunkan** (untuk menerima balasan). (158)**

Ayat ini masih lagi berada di dalam kumpulan ayat 54 hingga 58 yang menasihati kaum muslimin dan membangkitkan semangat mereka supaya tidak mudah luntur terutamanya ketika berjuang pada jalan Allah .s.w.t.

Di dalam ayat di atas, terdapat dua jenis kata kerja pasif yang digunakan iaitu :

i. Kata kerja قُتِلْتُمْ (kamu telah terbunuh) merupakan kata kerja kala lampau pasif bersambung dengan kata ganti nama diri kedua أَنْتُمْ (kamu). Kata ganti nama itu berada di tempat nominatif selaku pelaku ganti kepada pelaku yang telah dimansuhkan.

Kata kerja قُتِلْتُمْ telah didahului dengan perkataan لَسِنَّ yang merupakan kombinasi daripada kosonan *lām* (اللام) yang membawa makna sumpah dan partikel إِنَّ yang merupakan partikel *sharṭ* (أداة الشرط) yang membawa maksud seandainya atau

¹ Partikel yang membentuk ayat berlapis.

jika. Dalam konteks ayat di atas penggunaannya membawa erti “ Demi sesungguhnya jika kamu terbunuh...”. Penggunaan partikel *sharf* ini hendaklah disertai dengan jawabnya. Oleh itu jawab *sharf* bagi لَنْ قَلْبُكُمْ pada ayat 157 ialah لِأَلَى اللَّهِ تُحْشَرُونَ (*sesungguhnya keampunan Allah s.w.t*), manakala لِمَغْفِرَةٍ (*kepada Allah jua akan dikembalikan*) merupakan jawab *sharf* pada ayat 158.

ii. Kata kerja تُحْشَرُونَ (*dikembalikan*) merupakan kata kerja kala kini pasif dinominatitkan dengan dikekalkan huruf nūn pada akhiran perkataan. Huruf wawnya pula ialah *waw jamā'at* yang merupakan kata ganti nama diri ketiga yang membawa maksud هُمْ (*mereka*). Kata ganti nama ini berada di tempat nominatif kerana telah menggantikan tempat pelaku. Pelakunya tidak dinyatakan kerana objektif utama yang hendak dikhabarkan di sini adalah peristiwa kebangkitan dan pengumpulan manusia di padang mahsyar.

Kata kerja pasif ini didepani dengan kata genitif لِأَلَى اللَّهِ (*kepada Allah s.w.t*).

Susunan kombinasi ini membuatkan kenyataan yang terbentuk itu lebih tegas dan mantap bahawa peristiwa ini pasti akan berlaku dan kepada Allah s.w.t jua akan dihimpunkan sekalian manusia untuk menerima balasan baik buruk yang mereka kerjakan semasa kehidupan di dunia.

4.2.31 Ayat 161

Firman Allah s.w.t :

وَمَا كَانَ لِنَبِيٍّ أَنْ يَغُلُّ وَهُنَّ يَغْلُلُ يَأْتِ بِمَا غَلَّ يَوْمَ الْقِيَامَةِ ثُمَّ تُوَفَّى كُلُّ نَفْسٍ مَا كَسَبَتْ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ

Terjemahan : *Dan tiadalah patut bagi seseorang hamba itu (disangkakan) berkianat (menggelapkan harta rampasan perang), dan siapa yang berkianat (menggelapkan sesuatu), ia akan membawa bersama pada hari Kiamat kelak apa yang dikhianatinya itu. Kemudian tiap-tiap seseorang akan disempurnakan (balasan bagi) apa yang telah diusahakannya, sedang mereka tidak akan dikurang sedikitpun balasannya.*

Ayat ini diturunkan untuk membersihkan nama nabi Muhammad s.a.w yang ditohmah menggelapkan harta rampasan perang dan tidak membahaginya secara adil. Tohmohan ini telah diwarwarkan oleh kaum munafik bagi menghilangkan pengaruh dan kesetiaan para pejuang yang berada di bawah pimpinan Baginda s.a.w. Pada masa yang sama tohmohan ini dapat melemahkan pergerakan dakwah serta pengaruh Islam.

Di dalam ayat ini, terdapat dua klausa yang menggunakan kata kerja pasif iaitu :

i. *ثُمَّ تُؤْفَى كُلُّ نَفْسٍ مَّا كَسَبَتْ* (Kemudian **disempurnakan** balasan pada setiap seorang terhadap apa yang telah diusahakan).

Kata kerja *تُؤْفَى* (akan disempurnakan) adalah kata kerja kala kini pasif yang dinominatitkan dengan kasus berbaris hadapan secara andaian pada huruf alif. Pelakunya dimansuhkan kerana telah diketahui umum bahawa itu adalah kerja Allah s.w.t yang menilai dan memberi balasan seadil-adilnya terhadap apa yang telah diusahakan oleh para hamba-Nya. Oleh itu, perkataan *كُلُّ* (tiap-tiap) dinominatitkan sebagai pelaku gantinya.

ii. *وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ* (Mereka tidak sekali-kali akan **dizalimi**).

Klausa ini telah diterangkan pada ayat 25 diceraihan 4.2.4 (sila rujuk ayat tersebut untuk pemerhatian selanjutnya).

4.2.32 Ayat 167

Firman Allah s.w.t :

وَلْيَعْلَمَ الَّذِينَ نَافَقُوا وَقِيلَ لَهُمْ تَعَالَوْا قَاتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَوْ ادْفَعُوا قَالُوا لَوْ نَعْلَمُ قِتَالًا لَاتَّبَعْنَاكُمْ هُمْ لِلْكَفْرِ يَوْمئِذٍ أَقْرَبُ مِنْهُمْ لِلْإِيمَانِ يَقُولُونَ بِأَفْوَاهِهِمْ مَا لَيْسَ فِي قُلُوبِهِمْ وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا يَكْتُمُونَ

Terjemahan : Dan juga dengan tujuan ia hendak melahirkan dengan nyata akan orang-orang yang munafik yang **dikatakan kepada mereka** : “ **Marilah berperang pada jalan Allah** (untuk membela Islam) atau pertahankanlah (diri, keluarga dan harta benda kamu)”. Mereka menjawab : “ Kalaulah kami faham ada peperangan (dengan sebenarnya), tentulah kami mengikut kamu (turut serta berperang) ”. Mereka ketika (mengeluarkan perkataan itu lebih dekat kepada kufur dari dekatnya kepada iman. Mereka selalu menyebut dengan mulutnya apa yang tidak ada dalam hatinya. Dan ingatlah Allah amat mengetahui akan apa yang mereka sembunyikan.

Allah s.w.t telah memperjelaskan bahawa musibah yang menimpa itu mempunyai hikmat yang tertentu yang dikehendaki-Nya. Dari situ orang-orang muslim dapat mengambil pelajaran untuk sentiasa taat dan petuh kepada perintah Allah s.w.t serta rasul-Nya. Disamping itu dapat menyatakan dan megetahui golongan mereka yang benar-benar beriman dan mereka yang munafik.

Di dalam ayat di atas, kata kerja **قِيلَ** (*dikatakan*) adalah kata kerja kala lampau pasif.

Pelaku gantinya ialah ungkapan **تَعَالَوْا قَاتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ** (*marilah berperang pada jalan Allah*).

4.2.33 Ayat 168

Firman Allah s.w.t :

الَّذِينَ قَالُوا لِإِخْوَانِهِمْ وَقَعَدُوا لَوْ أَطَاعُونَا مَا قُتِلُوا قُلْ فَادْرَءُوا عَنِ أَنْفُسِكُمُ الْمَوْتَ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ

Terjemahan : Merekalah juga yang mengatakan tentang hal saudara-saudaranya (yang telah terbunuh di medan perang Uhud) sedang mereka sendiri tidak turut berperang :

“ Kalaulah mereka taatkan kami (turut menarik diri) tentulah **mereka tidak terbunuh** ”. Katakanlah (wahai Muhammad) : “ Jika demikian, hindarkanlah maut itu dari diri kamu jika betul kamu orang-orang yang benar ”.

Ayat ni merupakan kesinambungan ayat sebelumnya. Ia memperjelaskan keburukan sifat orang-orang munafik. Mereka tidak mempercayai qada' dan qadar yang menentukan ajal hidup mereka. Malah mereka menyeru kaum kerabatnya supaya tidak mengikuti seruan jihad yang dilancarkan. Dengan itu pada sangkaan mereka, sesiapa yang tidak turut serta ke medan perang tidak akan terbunuh (مَا قُتِلُوا).

Kata kerja قُتِلُوا (mereka terbunuh) adalah kata kerja kala lampau pasif, bersambung dengan huruf *waw* yang merupakan kata ganti nama diri ketiga yang membawa makna هُمْ (mereka). Kata ganti nama ini berada di tempat kata nominatif kerana telah mengisi tempat pelaku yang dimansuhkan. Pelaku sebenarnya tidak dinyatakan kerana objektif utama yang hendak diwartakan ialah kematian yang tidak diingini yang tidak disangkakan berlaku.

4.2.34 Ayat 169

Firman Allah s.w.t :

وَلَا تَحْسَبَنَّ الَّذِينَ قُتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَمْوَاتًا بَلْ أَحْيَاءٌ عِنْدَ رَبِّهِمْ يُرْزَقُونَ

Terjemahan : *Dan jangan sekali-kali engkau menyangka orang-orang yang terbunuh (yang gugur syahid) pada jalan Allah itu mati, (mereka tidak mati) bahkan mereka adalah hidup (secara istimewa) di sisi tuhan mereka dengan mendapat rezki.*

Ayat ini menjelaskan hakikat mereka yang terbunuh di dalam medan peperangan bahawa mereka tidak akan mati begitu saja, malah mereka dikuniakan rahmat serta rezki yang tidak disangka-sangkakan. Disamping itu juga, ayat ini bagaikan suntikan motivasi yang memberi semangat kepada kaum muslimin supaya tidak gementar terhadap maut, bahkan menggalakkan mereka menuju ke arahnya.

Terdapat dua kata kerja pasif telah digunakan pada ayat di atas iaitu :

i. الَّذِينَ قُتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ (*Mereka yang terbunuh pada jalan Allah*).

Kata kerja قُتِلُوا (*mereka terbunuh*) adalah kata kerja kala lampau pasif, bersambung dengan huruf waw yang merupakan kata ganti nama diri ketiga yang membawa makna هُمْ (*mereka*). Kata ganti nama ini berada di tempat kata nominatif kerana telah mengisi tempat pelaku yang telah dimansuhkan. Pelaku kata kerja ini tidak perlu dinyatakan bagi mewujudkan suatu kenyataan yang umum. Tambahan pula, matlamat utama yang hendak dinyatakan di sini adalah peristiwa kematian itu sendiri yang tidak perlu difokuskan kepada pelakunya.

ii. عِنْدَ رَبِّهِمْ يُرْزَقُونَ (*Di sisi tuhan mereka akan dikurniakan rezeki*).

Kata kerja يُرْزَقُونَ (*akan dikurniakan rezeki*) adalah kata kerja kala kini pasif yang dinominatifkan dengan dikekalkan huruf nūn pada akhiran perkataan kerana ia adalah dari kata kerja lima. Huruf *wawnya* pula adalah *waw jamā'at* yang merupakan kata ganti nama diri ketiga yang membawa maksud هُمْ (*mereka*). Kata ganti nama ini berada di tempat nominatif kerana telah menggantikan tempat pelaku. Pelaku kata kerja ini tidak perlu dinyatakan kerana telah diketahui umum

bahawa pemberi rezki tersebut tentulah Allah s.w.t, tuhan yang Pemurah lagi Penyayang.

4.2.35 Ayat 180

Firman Allah s.w.t :

وَلَا يَحْسَبَنَّ الَّذِينَ يَبْخُلُونَ بِمَا آتَاهُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ هُوَ خَيْرًا لَّهُمْ بَلْ هُوَ شَرٌّ لَّهُمْ سَيُطَوَّقُونَ مَا بَخِلُوا بِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَلِلَّهِ مِيرَاثُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ

Terjemahan : *Dan jangan sekali-kali orang-orang yang bakhil dengan harta benda yang telah dikurniakan Allah kepada mereka dari kemurahan-Nya menyangka bahawa keadaan bakhilnya itu baik bagi mereka. Mereka akan dikalangkan (disiksa) dengan apa yang mereka bakhilkan itu pada hari kiamat kelak. Dan bagi Allah jualah hak milik segala warisan (isi) langit dan bumi. Dan ingatlah Allah amat mengetahui dengan mendalam akan segala yang kamu kerjakan.*

Ayat ini merupakan peringatan kepada umat manusia, khususnya umat Islam supaya tidak bakhil terhadap harta benda yang telah dikurniakan Allah s.w.t kepada mereka. Ia juga menyanggah fahaman bahawa dengan bersifat bakhil akan menambah kekayaan. Malah apa yang dijanjikan Allah s.w.t kepada mereka yang bersifat sedekimian adalah lebih buruk serta azab neraka yang tidak terperi pedihnya.

Azab yang digambarkan tersebut menggunakan kata kerja pasif سَيُطَوَّقُونَ (mereka akan dikalangkan) yang terbentuk pada pola سَيَفْعَلُونَ yang membawa maksud perbuatan yang berlaku secara berulang kali dan banyak¹. Pelaku kata kerja ini tidak dinyatakan kerana telah diketahui umum bahawa itu adalah kerja Allah s.w.t yang telah menyediakan azab yang pedih bagi mereka yang melupai nikmat-nikmat-Nya. Disamping itu juga, kata kerja pasif

¹ Abduh al-Rājihīy (1988), *op.cit.*, h.33

digunakan untuk membentuk laras tuju mesej yang disampaikan secara terus serta mudah difahami.

Kata kerja سَيَطُوفُونَ adalah kata kerja kala kini pasif yang dinominatifkan dengan dikekalkan huruf nūn pada akhiran perkataan kerana ia adalah dari kata kerja lima. Huruf wawnya pula adalah waw jamā'at yang merupakan kata ganti nama diri ketiga yang membawa maksud هُمْ (mereka). Kata ganti nama ini berada di tempat nominatif selaku pelaku ganti kerana telah mengambil alih tempat pelaku sebenarnya.

4.2.36 Ayat 184

Firman Allah s.w.t :

فَإِنْ كَذَّبُوكَ فَقَدْ كَذَّبَ رَسُولٌ مِّنْ قَبْلِكَ جَاءُوا بِالْبَيِّنَاتِ وَالزُّبُرِ وَالْكِتَابِ الْمُنِيرِ

Terjemahan : *Oleh itu jika mereka mendustakanmu (wahai Muhammad, maka janganlah engkau berdukacita), kerana sesungguhnya rasul-rasul yang terdahulu daripadamu telah didustakan juga, mereka telah membawa keterangan-keterangan (mu'jizat) yang nyata dan kitab-kitab (nasihat pengajaran) serta kitab (syariat) yang terang jelas.*

Ayat ini memberi semangat kepada Rasulullah s.a.w supaya tidak berdukacita terhadap mereka yang tidak mahu menerima dakwah Baginda s.a.w. Hal yang sama telah dilalui oleh para rasul a.s yang lain. Oleh sebab itu, tidak seharusnya Baginda s.a.w berasa kecewa dan hampa kerana fenomena itu merupakan perkara runting bagi seorang pendakwah.

Digunakan pada ayat di atas kata kerja pasif كَذَّبَ (telah didustakan) dengan pola tambahan huruf kosonan 'ain padanya . Pola ini membawa maksud التَكْذِيبِ

(*memperbanyak*)¹ yang mana pekerjaan itu berlaku secara berulang kali. Didahului kata kerja pasif ini dengan partikel *taḥqiq* (قَدْ) yang membenar serta memperkuat tindakan kata kerja tersebut. Dalam konteks ayat, ia memberi faham bahawa tindakan mendusta dan menolak dakwah yang disampaikan kepada mereka itu sudah sememangnya merupakan cabaran dan dugaan yang pasti ditempohi para pendakwah yang telah diwarisi oleh para Anbiya' a.s.

Kata kerja *كُذِّبَ* adalah kata kerja kala lampau pasif. Pelakunya tidak disertakan supaya kenyataan yang terbentuk lebih umum yang merangkumi semua golongan manusia yang menolak dakwah Islam yang disampaikan kepada mereka. Kemudian digantikan tempat pelaku tersebut dengan pelaku ganti iaitu *رُسُلٌ* (*para rasul*) yang dinominatifkan dengan kasus berbaris hadapan pada akhir suku katanya.

4.2.37 Ayat 185

Firman Allah s.w.t :

كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ وَإِلَّمَّا تُوَفُّونَ أُجُورَكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فَمَنْ زُحِرَ عَنِ النَّارِ وَأُدْخِلَ الْجَنَّةَ فَقَدْ فَازَ
وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا مَتَاعُ الْفُرُورِ

Terjemahan : *Tiap-tiap yang bernyawa akan merasai mati, dan bahawasanya pada hari kiamat sahajalah akan disempurnakan balasan kamu. Ketika itu sesiapa yang dijauhkan dari neraka dan dimasukkan ke syurga maka sesungguhnya ia telah berjaya. Dan ingatlah bahawa kehidupan di dunia ini (meliputi segala kemewahan dan pangkat kebesarannya) tidak lain hanyalah kesenangan bagi orang yang terpedaya².*

¹ 'Abdud al-Rājiḥiy (1988), *op.cit*, h.33

² Oleh itu awaslah daripada dilalikan dan diperdayakan oleh kesenangan dunia dan kemewahannya, dan sebaliknya gunakanlah semuanya itu untuk amal kebajikan bagi mencapai kesenangan dan kebahagiaan yang kekal di akhirat kelak. (Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran)

Ayat ini menerangkan hakikat kehidupan manusia bahawa kehidupan di muka bumi ini bukanlah penempatan yang kekal abadi. Bahkan ia hanya merupakan medan ujian umat manusia bagi menilai amalan-amalan mereka kerjakan sepanjang nyawa dikandung badan. Bagi mereka yang berjaya dalam ujian tersebut pasti akan dimasukkan ke dalam syurga dan jika sebaliknya akan menerima bakaran api neraka.

Di dalam ayat ini, terdapat tiga klausa yang menggunakan kata kerja pasif dengan tujuan tertentu iaitu :

i. **وَأَلْمَا تُوَفُونَ أَجُورَكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ** (Pada hari kiamat akan **disempurnakan** balasan **kamu**). Kata kerja **تُوَفُونَ** (akan disempurnakan) adalah kata kerja kala kini pasif yang dinominatitkan dengan dikekalkan huruf nūn pada akhir suku katanya. Huruf wawnya pula adalah *waw jamā'at* yang merupakan kata ganti nama diri kedua yang membawa maksud **أنتم** (*kamu*). Kata ganti nama ini berada di tempat kata nama nominatif selaku pelaku ganti. Pelaku sebenar kata kerja ini tidak dinyatakan kerana sudahpun diketahui umum iaitu Allah s.w.t. Penggunaan kata kerja pasif di sini berfungsi untuk memusatkan fikiran kepada kesempurnaan balasan yang bakal diterima. Tambahan pula penggunaannya lebih efektif dan memudahkan pemahaman.

ii. **فَمَنْ زُجِرَ عَنِ النَّارِ** (Sesiapa yang **dijauhkan** dari neraka)

Perkataan **زُجِرَ** adalah dari jenis kata kerja kala lampau *rubā'iy* (quadriliteral)

pasif. Pelaku gantinya boleh dipilih salah satu dari dua keadaan berikut :

- a) Kata ganti nama tersembunyi dengan andaian هُوَ (*dia*) dikembalikan kepada perkataan مَنْ (*sesiapa*).
- b) Kata nama genitif yang berada selepas kata kerja pasif tersebut, iaitu عَنِ النَّارِ (*dari neraka*). Ini kerana kata genitif ini telah menepati syarat yang ditetapkan untuk membolehkannya menjadi pelaku ganti¹.
- iii. وَأُدْخِلَ الْجَنَّةَ (*dan dimasukkan ke dalam syurga*)

Kata kerja أُدْخِلَ adalah kata kerja kala lampau pasif. Pelaku gantinya ialah kata ganti nama tersembunyi dengan andaian هُوَ (*dia*) dikembalikan kepada perkataan مَنْ (*sesiapa*).

Pemilihan dua kata kerja ini (أُدْخِلَ dan زُجِرِحَ) sungguh unik dan mempunyai kesenian yang tersendiri². Ia seolah-olah menggambarkan neraka itu mempunyai daya tarikan yang menarik sesiapa sahaja yang mendekatinya atau memasuki ruang sempadannya. Dalam situasi sebegini, seseorang itu memerlukan kepada orang lain yang dapat menolong menjauhkannya dari terus ditarik ke lubang api neraka tersebut. Oleh sebab itu, sesiapa yang dapat menjauhkan diri dari daya tarikan itu, maka dia telah mendapat kejayaan yang besar yang kemudiannya dimasukkan dirinya ke dalam syurgadegan penuh kenikmatan.

¹ Sila lihat bab tiga, ceraihan 3.4.4 : Unsur Kata Genitif.

² Al-Shahid Sayyid Qutb (1972), *Op.cit.*, j. 4, h.57

4.2.38 Ayat 186

Firman Allah s.w.t :

لَتَبْلُوَنَّ فِي أَمْوَالِكُمْ وَأَنْفُسِكُمْ وَتَسْمَعُنَّ مِنَ الَّذِينَ آوَوْا الْكِتَابَ مِنْ قَبْلِكُمْ وَمِنَ الَّذِينَ أَشْرَكُوا أَذَى كَثِيرًا وَإِنْ تَصْبِرُوا وَتَتَّقُوا فَإِنَّ ذَلِكَ مِنْ عَزْمِ الْأُمُورِ

Terjemahan : *Demi sesungguhnya kamu akan diuji pada harta benda kamu dan diri kamu. Dan demi sesungguhnya kamu akan mendengar dari orang-orang yang telah diberikan kitab dahulu daripada kamu dan orang-orang musyrik : banyak (tuduhan-tuduhan dan cacian-cacian) yang menyakitkan hati. Dalam pada itu jika kamu bersabar dan bertakwa maka sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat (melakukannya).*

Ini adalah hakikat kehidupan manusia di atas muka bumi ini. Mereka tidak akan terlepas dari dugaan dan cabaran yang merupakan ujian Allah s.w.t untuk menilai amalan baik buruk para hambanya. Mereka diuji dari pelbagai sudut sama ada dalam bentuk harta benda , diri sendiri, pangkat, perempuan dan sebagainya. Oleh sebab itu, Allah s.w.t telah menyatakan kunci kejayaan di dalam ujian tersebut adalah dengan bertakwa kepada-Nya.

Ayat di atas mengandungi dua kata kerja pasif yang dapat dipecah di dalam klausa berikut :

- i. لَتَبْلُوَنَّ فِي أَمْوَالِكُمْ وَأَنْفُسِكُمْ (*Demi sesungguhnya kamu akan diuji pada harta benda kamu dan diri kamu*). Kata kerja لَتَبْلُوَنَّ adalah kata kerja kala kini pasif yang dinominatifkan dengan dikekalkan huruf nūn pada akhir suku katanya. Huruf wawnya pula adalah *waw jamā'at* yang merupakan kata ganti nama diri kedua yang membawa maksud أَنْتُمْ (*kamu*). Kata ganti nama ini berada di tempat kata nama nominatif sebagai pelaku ganti kata kerja pasif.

Kata kerja **كَبَلُوا** telah diapit pada permulaannya dengan konsonan *lām* (لام) yang merupakan partikel menjawab sumpah, dan pada suku kata akhirnya pula terdapat konsonan *nūn taukīd* yang mengukuhkan lagi pekerjaan itu bahawa ia pasti akan berlaku. Kombinasi kata kerja pasif dengan konsonan-konsonan ini memperkukuhkan tindakan pekerjaan tersebut.

ii. **الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ مِنْ قَبْلِكُمْ** (*Orang-orang yang telah diberikan kitab dahulu daripada kamu*). Struktur klausa ini telah dibincangkan pada ayat 19, ceraihan 4.2.3. (sila rujuk ayat tersebut untuk maklumat lebih lanjut)

4.2.39 Ayat 187

Firman Allah s.w.t :

وَإِذْ أَخَذَ اللَّهُ مِيثَاقَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ لَتُبَيِّنُنَّهُ لِلنَّاسِ وَلَا تَكْتُمُونَهُ فَنَبَذُوهُ وَرَاءَ ظُهُورِهِمْ وَاشْتَرَوْا بِهِ ثَمَنًا قَلِيلًا فَبُئْسَ مَا يَشْتَرُونَ

Terjemahan : Dan ingatlah ketika Allah mengambil perjanjian daripada **orang-orang yang telah diberikan kitab** (iaitu) : “ Demi sesungguhnya hendaklah kamu menerangkan isi kitab itu kepada umat manusia, dan jangan sekali-kali menyembunyikannya “. Kemudian mereka membuang (perjanjian setia) itu belakang mereka, serta mereka menukarnya dengan mengambil faedah dunia yang sedikit. Maka amatlah buruknya apa yang mereka dapati dari penukaran (kalam Allah dan janji-Nya) itu.

Ayat ini menggambarkan sifat buruk golongan Yahudi dan Nasrani yang menyembunyikan kebenaran isi kandungan kitab suci Taurat dan Injil yang telah diturunkan untuk mereka. Mereka sanggup menukar isi kandungannya demi memperoleh kesenangan dan kenikmatan dunia yang sementara ini.

Ayat ini menggunakan ungkapan **أَوْثُوا الْكِتَابَ** (mereka yang *diberikan kitab*) bagi menggambarkan dua golongan yang mendapat kehinaan dan kemurkaan Allah s.w.t iaitu kaum Yahudi dan Nasrani. (sila lihat ayat 19, ceraiian 4.2.3 untuk mendapat huraian yang lebih lanjut berkaitan dengan ungkapan ini)

4.2.40 Ayat 188

Firman Allah s.w.t :

لَا تَحْسَبَنَّ الَّذِينَ يَفْرَحُونَ بِمَا أَتَوْا وَيُحِبُّونَ أَنْ يُحْمَدُوا بِمَا لَمْ يَفْعَلُوا فَلَا تَحْسَبَنَّهُمْ بِمَفَازَةٍ مِنَ الْعَذَابِ
وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ

Terjemahan : *Jangan sekali-kali engkau menyangka (wahai Muhammad) bahawa orang-orang yang bergembira dengan apa yang telah mereka lakukan itu, dan mereka pula suka dipuji dengan apa yang mereka tidak lakukan. Jangan sekali-kali engkau menyangka mereka akan terselamat dari seksa, dan sebenarnya mereka akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya.*

Ayat ini menyingkap sifat tercela orang Yahudi yang bergembira dengan cacian dan tomohan yang dilontarkan kepada umat Islam. Disamping itu juga mereka gemar dinobatkan diri mereka sebagai orang yang alim dalam bidang keagamaan dan melakukan kebajikan. Sedangkan hakikat sebenarnya, mereka adalah pendusta kepada agama dan penjenayah yang paling jahat.

Kata kerja **يُحْمَدُوا** (*dipuji*) adalah kata kerja kala kini pasif yang diakusatifkan dengan dimansuhkan huruf nūnnya kerana telah didahului oleh partikel akusatif **أَنْ**. Kombinasi kata kerja dan partikel ini (**أَنْ يُحْمَدُوا**) membentuk *masdar mu'awwal*. Pelaku ganti bagi kata kerja ini ialah *waw jamā'at* yang merupakan kata ganti nama diri ketiga yang membawa maksud **هُمْ** (*mereka*).

Antara faedah pemakaian kata kerja pasif di dalam konteks ayat di atas ialah kenyataan yang dilontarkan itu bersifat cercaan dan kejiiaan. Pelakunya tidak dinyatakan secara jelas adalah untuk mencerca dan mengkeji tindakan yang dilakukan. Ini kerana, gaya bahasa yang digunakan menampakan jurang perbezaan di antara kedua belah pihak iaitu kumpulan pelaku dan kumpulan kena laku.

4.2.41 Ayat 195

Firman Allah s.w.t :

فَاسْتَجَابَ لَهُمْ رَبُّهُمْ أَنِّي لَا أُضِيعُ عَمَلَ عَامِلٍ مِنْكُمْ مِنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ بَعْضُكُمْ مِنْ بَعْضٍ فَالَّذِينَ هَاجَرُوا وَأُخْرِجُوا مِنْ دِيَارِهِمْ وَأُوذُوا فِي سَبِيلِي وَقَاتَلُوا وَقُتِلُوا لَأُكَفِّرَنَّ عَنْهُمْ سَيِّئَاتِهِمْ وَلَأُدْخِلَنَّهُمْ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ ثَوَابًا مِنْ عِنْدِ اللَّهِ وَاللَّهُ عِنْدَهُ حُسْنُ الثَّوَابِ

Terjemahan : *Maka tuhan mereka perkenankan doa mereka (dengan firman-Nya) : “ Sesungguhnya Aku tidak akan mensia-siakan amalan-amalan orang yang beramal dari antara kamu sama ada lelaki atau perempuan (kerana) setengah kamu (adalah keturunan) dari setengahnya yang lain. Maka orang-orang yang berhijrah (kerana menyelamatkan agamanya) dan diusir keluar dari tempat tinggalnya dan juga yang disakiti (dengan berbagai gangguan) kerana menjalankan agama-Ku, dan yang berperang (pada jalan Allah) dan yang terbunuh (yang gugur syahid dalam perang sabil), sesungguhnya Aku akan hapuskan kesalahan-kesalahan mereka, dan sesungguhnya Aku akan masukkan mereka ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai sebagai pahala dari sisi Allah. Dan di sisi Allah jualah adanya pahala sebaik-baiknya (bagi mereka yang beramal soleh) ”.*

Inilah balasan bagi mereka yang mengharapkan keredhaan Allah s.w.t semata-mata. Doa mereka pasti akan dikabulkan. Namum, sebelum itu mereka terpaksa menerima pelbagai ujian dari keperitan dan kesengsaraan demi mendaulatkan syariat Islam di atas muka bumi ini. Di akhirat kelak, Allah s.w.t telah menjanjikan akan mengurniakan syurga yang penuh dengan kerahmatan dan kesenangan yang belum pernah dirasai di dunia kepada mereka yang tabah menerima dugaan ini dan mereka yang sentiasa beramal soleh.

Pada ayat di atas terdapat tiga kata kerja pasif telah digunakan iaitu :

- i. وَأُخْرِجُوا مِنْ دِيَارِهِمْ (*Diusir dari tempat tinggal mereka*).
- ii. وَأُودُوا فِي سَبِيلِي (*Mereka disakiti kerana menegakkan agama Allah*)
- iii. قُتِلُوا (*Mereka terbunuh*)

Ketiga-tiga kata kerja pasif ini digunakan untuk menggambarkan kesengsaraan dan kesulitan yang dialami oleh seorang pendakwah. Hal ini telah diwarisi oleh Rasulullah s.a.w kepada para sahabatnya dan generasi selepas mereka yang akan sentiasa berlaku sepanjang zaman. Pelaku kata kerja tersebut tidak dinyatakan bagi membentuk satu kenyataan umum yang boleh berlaku sepanjang zaman. Tambahan pula mesej yang ingin disampaikan ialah bentuk-bentuk kesengsaraan yang bakal dialami. Oleh itu tidak perlu dibebani dengan menyatakan pelaku pekerjaan tersebut yang sudah tentu akan memanjangkan ayat.

Kata kerja أُخْرِجُوا (*mereka diusir*), أُودُوا (*mereka disakiti*) dan قُتِلُوا (*mereka terbunuh*) adalah kata kerja kala lampau, bersambung padanya huruf *waw jamā'at* yang merupakan pengganti kepada pelaku yang dimansuhkan. Huruf *waw* ini merupakan kata ganti nama diri ketiga yang membawa maksud هُمْ (*mereka*) berada ditempat nominatif sebagai pelaku ganti.

4.2.42 Ayat 199

Firman Allah s.w.t :

وَإِنَّ مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ لَمَنْ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَمَا أُنزِلَ إِلَيْكُمْ وَمَا أُنزِلَ إِلَيْهِمْ خَاشِعِينَ لِلَّهِ لَا يَشْتَرُونَ بِآيَاتِ اللَّهِ
ثَمَنًا قَلِيلًا أَوْ ثَمَنًا لَهُمْ أَجْرُهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ إِنْ اللَّهُ سَرِيعُ الْحِسَابِ

Terjemahan : Dan sesungguhnya di antara Ahli Kitab ada orang yang beriman kepada Allah dan kepada **apa yang diturunkan kepada kamu** (al-Quran) dan juga kepada **apa yang diturunkan kepada mereka**, sedang mereka khusuk kepada Allah dengan menukarkan ayat-ayat Allah untuk mengambil keuntungan dunia yang sedikit. Mereka itu beroleh pahalanya di sisi tuhan mereka. Sesungguhnya Allah amat segera hitungan hisabnya.

Ayat ini menyatakan terdapat sebahagian Ahli Kitab yang masih patuh dan setia berpegang ajaran kepada kitab Taurat dan Injil yang telah diturunkan kepada mereka. Oleh sebab itu mereka tidak menentang apa yang dibawa oleh nabi Muhammad s.a.w, malah mereka mengakui kebenarannya dan mengikuti syariatnya. Disamping itu juga mereka selalu melakukan ibadah dan amalan soleh.

Di dalam ayat di atas, terdapat dua klausa yang menggunakan kata kerja pasif sama secara berulang iaitu :


- a) وَمَا أُنزِلَ إِلَيْكُمْ (Apa yang **diturunkan** kepada kamu)
- b) وَمَا أُنزِلَ إِلَيْهِمْ (Apa yang **diturunkan** kepada mereka)

Kata kerja pasif **أُنزِلَ** adalah kata kerja kala lampau pasif. Pelaku gantinya adalah kata ganti nama tersenbunyi dengan andaian **هُوَ** (dia) dikembalikan kepada perkataan **مَا** (apa).

4.4 Kekerapan Penggunaan Ragam Pasif.

Bahagian ini akan membicarakan kekerapan penggunaan ragam pasif yang terdapat pada keseluruhan surah Āl 'Imrān. Penganalisaan ini adalah seperti berikut :

Rajah 4.15 : Peratus Bentuk Kekerapan Penggunaan Ragam Pasif.



Dapatan : Surah Āl 'Imrān.

Pada keseluruhan surah Āl 'Imrān, terdapat 67 patah kata ragam pasif telah digunakan. Daripada jumlah ini, 65 patah kata adalah bentuk kata kerja pasif dan dua patah kata lagi adalah dari jenis kata nama pasif.

Dipecahkan sebanyak 41 patah kata kerja atau 63 peratus daripada jumlah 65 patah kata tersebut adalah dari jenis kata kerja kala lampau pasif, manakala bakinya iaitu sebanyak 37 peratus adalah dari kata kerja kala kini.

Di antara sebab mengapa penggunaan ragam pasif dari jenis kata kerja kala lampau lebih kerap digunakan berbanding dengan kata kerja kala kini ialah :

- i. Terdapat sesetengah ayat yang membicarakan sesuatu peristiwa yang akan berlaku menggunakan bentuk kata kerja kala lampau. Pada lazimnya kata kerja ini digunakan apabila membicarakan tentang peristiwa kedahsyatan kedatangan hari kiamat dan ganjaran balasan amalan baik buruk manusia. Dalam konteks ini, penggunaan kata kerja lampau pasif bagi peristiwa yang bakal berlaku itu dapat menimbulkan kegeruman dan ketakutan, bahawa ia pasti akan berlaku sepertimana yang dinyatakan dan dijanjikan.

- ii. Kebanyakan tajuk perbicaraannya adalah peristiwa yang telah berlaku. Penyataannya adalah sebagai penjelasan serta panduan dan pedoman kepada umat manusia pada umumnya dan kepada kaum muslimin secara khususnya. Penggunaannya banyak tertera menerusi gambaran Allah s.w.t terhadap sifat-sifat buruk Ahli Kitab dan pengalaman pahit yang dialami oleh kaum muslimin ketika berdakwah untuk mengembangkan agama Islam dan peristiwa peperangan di medan Uhud.

Disamping itu, terdapat beberapa patah kata kerja pasif diguna secara berulang kali pada keseluruhan surah Āl 'Imrān. Kata kerja-kata kerja ini akan dipamerkan di dalam jadual di bawah mengikut susunan huruf *hijā'iyat*¹.

¹ Mengikut susunan *alif, bā, tā* dan seterusnya.

Jadual 4.3 : Kekerapan Penggunaan Kata Pasif.


Kata Kerja Pasif	Erti	Tempat	Keterangan (cara penggunaannya)
أُعِدَّتْ	Telah disediakan	Ayat : 131 dan 133	Disertai dengan praktikel genitif اللام (bagi) spt : لِلْمُتَّقِينَ dan لِلْكَافِرِينَ
أُنزِلَ	Telah diturunkan	Ayat : 72,84 (dua tempat) dan 199 (dua tempat)	Diapit pada hadapannya dengan isim <i>mawṣūl</i> spt : الَّذِي (yang) dan مَا (apa), dan pada belakangnya dengan huruf genitif (huruf jarr) spt : عَلَى (ke atas) dan إِلَيَّ (kepada).
أُوتُوا	Meraka telah diberikan	Ayat : 19,20,100, 186,187 dan 23	Memerlukan kepada dua objek pada asalnya bukan subjek dan predikat. Dinominatikan objek pertama dan dikekalkan akusatif pada objek kedua.
أُحْشِرُونَ	Mereka akan dihimpunkan	Ayat : 12 dan 158	Disertai dengan pratikel إِلَيَّ (kepada).
أُضْرِبَتْ	Telah ditimpa	Ayat : 112 (dua tempat)	Disertai dengan pratikel عَلَى (ke atas).
قُتِلْتُمْ	Kamu telah terbunuh	Ayat :157 dan 158	Kata kerja pasif disertai dengan pelaku gantinya yang terdiri daripada kata ganti nama bersambung yang membawa maksud أَنْتُمْ (kamu).
قُتِلُوا	Mereka telah terbunuh	Ayat : 156,168, 169 dan 195	Kata kerja pasif disertai dengan pelaku gantinya yang terdiri daripada kata ganti nama bersambung yang membawa maksud هُمْ (mereka).
يُظَلَمُونَ	Mereka akan dizalimi	Ayat : 25 dan 161	Didahului dengan partikel nafi لَا (tidak).

4.4.1 Pecahan Kata Kerja Pasif dan Pelaku Gantinya

Penggunaan kata kerja pasif tidak dapat dipisahkan dengan pelaku gantinya. Ini kerana sudah menjadi aturan nahu Arab setiap kata kerja hendaklah disertai dengan pelakunya. Apabila pelaku tersebut dimansuhkan, sesuatu unsur lain harus menggantikan tempatnya yang menuruti segala ciri-cirinya.

Di dalam surah ini, penggunaan kata kerja pasif dan pelaku gantinya dapat bahagikan kepada pecahan berikut :

Rajah 4.16 : Peratusan Pecahan Kata Kerja Pasif Dan Pelaku Gantinya



Dapatan : Surah Āl ‘Imrān.

i. Kata Kerja Pasif + Kata Ganti Nama Bersambung

Pecahan ini merupakan yang terbesar digunakan di dalam surah ini iaitu sebanyak 32 patah kata atau 48 peratus. Daripada jumlah ini, terdapat sebanyak 28 patah kata kerja bersambung dengan *waw jamā'at* yang membawa maksud هم (mereka).

Ia terletak pada ayat : 12 (dua tempat), 19, 20, 23, 25, 73, 83, 88, 100, 111, 115, 132, 156, 168, 169 (dua tempat), 180, 185, 186 (dua tempat), 187, 188 dan 1985 (tiga tempat). Disamping itu terdapat 3 kata kerja bersambung dengan kata ganti nama diri kedua **أَنْتُمْ** (*kamu*) yang terletak pada ayat : 57, 58 dan 73. Manakala satu kata kerja bersambung dengan kata ganti nama diri pertama **نَحْنُ** (*kami*) yang terletak pada ayat : 154.

ii. Kata Kerja Pasif + Kata Nama Tulen (Objek)

Pada asalnya kata nama tulen itu adalah objek yang bersifat akusatif. Namun setelah pelaku kata kerjanya dimansuhkan, ia diambil sebagai pelaku ganti dan dinominatifkan. Kata kerja pasif yang disertai dengan pelaku gantinya kata nama tulen terdapat sebanyak 16 tempat iaitu pada ayat : 14, 25, 65, 73, 88, 90, 91, 93, 101, 109, 112 (dua tempat), 154, 161, 184 dan 185.

iii. Kata Kerja Pasif + Kata Ganti Nama Tersembunyi

Terdapat 14 tempat yang menggunakan kata kerja pasif yang disertai dengan pelaku gantinya yang terdiri daripada kata ganti nama tersembunyi yang perlu dibuat andaian. Ayat-ayatnya ialah : 50, 72, 84 (tiga tempat), 85, 96, 110, 131, 133, 144, 185 dan 199 (dua tempat).

iv. Kata Kerja Pasif + Kata Nama Genetif (*Jarr* dan *Majrūr*)

Terdapat dua tempat yang menggunakan kata kerja pasif yang disertai dengan pelaku gantinya kata genetif (*Jarr* dan *Majrūr*). Ayat-ayatnya ialah : 101(klausa kedua) dan 185 (klausa kedua).

v. Kata Nama Pasif + Kata Ganti Nama Tersembunyi.

Terdapat dua patah kata nama pasif yang berfungsi sama seperti kata kerjanya diguna pakai di dalam surah ini. Kedua-dua patah perkataan ini diungkapkan di dalam ayat 14.

vi. Kata Kerja Pasif + Dialog Percakapan

Hanya terdapat sepotong ayat yang menggunakan kata kerja pasif yang disertai pelaku gantinya yang terdiri daripada potongan dialong percakapan, iaitu pada ayat 167.

4.4.2 Skop Perbincangan Yang Menggunakan Ragam Pasif.

Penggunaan ragam pasif sering kali digunakan pada skop kenyataan-kenyataan tertentu.

Dipamerkan skop perbincangannya seperti di bawah.

Jadual 4.4 : Topik Perbincangan Yang Menggunakan Ragam Pasif.

BIL	SKOP	TEMPAT (No. Ayat)	PENJELAS (Pemilihan Kata Kerja Pasif)
1.	Nasib / Takdir	12, 50, 195	-Kenyataan lebih tegas dan dapat menggerumkan hati.
2.	Suatu Kenyataan / Makluman	14,65,72,84,93, 96,101, 144,156, 167,168,184,185 188,199	-Kenyataan lebih jelas, ringkas dan mudah difahami. - Lebih umum dan general.
3.	Menghina / Murka	19	-Kenyataan yang membawa maksud penghinaan.
4.	Perintah / Arahan	23	-Arahan lebih mantap, tegas dan jelas.
5.	Balasan Amalan Manusia	25,88,131,133, 161,180,185	-Mengfokuskan fikiran terhadap balasan yang bakal diterima. -Dapat menggerumkan hati.
6.	Hukum Syariat	50	-Tetap dan mantap.
7.	Hakikat Kehidupan Selepas Mati.	83,88,109,111, 158,161,169	-Menggerumkan hati. -Suatu perkara yang pasti dan tetap.
8.	Akibat / Kesan	85,90,91,132,185	-Lebih tegas mantap.

4.5 Rumusan.

Gaya bahasa al-Quran tidak dapat ditandingi oleh mana-mana bahasa. Ini merupakan satu tanda kebenaran risalah yang dibawa oleh nabi Muhammad s.a.w yang dapat diperhatikan dan dikaji oleh semua umat manusia walaupun telah terpisah dengan Baginda sekian lama. Ia tetap menjadi mu'jizat agung yang akan diwarisi oleh generasi-generasi mendatang.

Setelah meneliti dan mengkaji penggunaan ragam pasif yang terdapat di dalam surah Āl 'Imrān, dapat disimpulkan bahawa penggunaannya mempunyai motif-motif tertentu, di antaranya ialah :

- i. Menghasilkan satu kenyataan ringkas, tegas dan tetap.
- ii. Kenyataan yang lebih umum dan general.
- iii. Bagi menghasilkan kefahaman yang optimum serta kemampuan menangkap mesej dengan cepat dan lengkap.
- iv. Menyatakan hukum yang tetap.